

**SINDIRAN HALUS DAN LEMBUT DALAM
PERIBAHASA: PENGAPLIKASIAN TEORI
RELEVANS.**

**NUR NABILAH BT MOHD RAZI
C17A0234**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2021



SINDIRAN HALUS DAN LEMBUT DALAM
PERIBAHASA: PENGAPLIKASIAN TEORI RELEVANS.

Oleh

NUR NABILAH BINTI MOHD RAZI

Laporan Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan
Untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya besetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*


TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



Nama: Nur Nabilah bt Mohd Razi

Tarikh: 30/1/2021

Tandatangan Penyelia



DR. NORDIANA BINTI AB JABAR

Jabatan Pengajaran Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan.

nordiana.aj@umk.edu.my

Tarikh: 2/2/2021

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang" Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertamanya, saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Terima kasih sebanyak bintang di langit buat pensyarah saya, Dr. Nordiana bt Ab Jabar atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan sepanjang menyelesaikan tesis ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan buat ibubapa dan keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan penyelidikan bagi menyiapkan kajian ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Nur Nabilah Binti Mohd Razi
Lot 9025, Kampung Kebun Jambu,
Klan Halt 3,
35950 Behrang Stesten,
Perak.
E-mel:namiesyasyaira@gmail.com

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat	
PERAKUAN STATUS TESIS	
PENGHARGAAN	i
JADUAL KANDUNGAN	ii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Definisi Konsep	8
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Kesimpulan	12
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN TERDAHULU	
2.0 Pengenalan	13
2.1 Pengkajian Berkenaan Peribahasa	13
2.1.1 Tesis	13
2.1.2 Artikel dan Jurnal	14
2.2. Pengkajian Berkenaan Teori Relevans	20

2.2.1 Artikel dan Jurnal	20
2.2.2 Buku	25
2.3. Pengkajian Berkenaan Bahasa Sindiran	26
2.3.1 Tesis	26
2.3.2 Artikel dan Jurnal	27
2.4 Kesimpulan	31
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	32
3.1 Reka Bentuk Kajian	33
3.1.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif	33
3.1.1.1 Kaedah Analisis Teks	33
3.1.1.2 Kaedah Pengumpulan Data	34
3.1.1.3 Kaedah Kepustakaan	34
3.1.1.4 Kaedah Internet	34
3.1.2 Penerapan Teori	35
3.1.2.1 Prinsip-Prinsip Teori Relevans	35
3.2 Kesimpulan	37
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	38
4.1 Gaya bahasa sindiran yang terdapat di dalam peribahasa.	41
4.1.1 Gaya Bahasa Ironi	41
4.1.2 Gaya Bahasa Sinisme	45
4.1.3 Gaya Bahasa Sarkasme	48
4.1.4 Gaya Bahasa Satira	51
4.2 Impak Sindiran Halus dalam pemikiran peribahasa dengan	

pengaplikasian teori Relevans	55
4.2.1 Kesan pemikiran tentang kewujudan (Metafizik) melalui aspek kognitif.	55
4.2.2 Kesan pemikiran tentang ilmu pengetahuan (Epistemologi) melalui aspek kognitif.	60
4.2.3 Kesan pemikiran tentang tingkah laku dan moral manusia (etika) melalui aspek komunikatif.	65
4.2.4 Kesan pemikiran tentang keindahan (estetika) melalui aspek komunikatif.	69
4.2.5 Kesan pemikiran tentang penaakulan manusia terhadap alam (Logik) melalui aspek komunikatif	73
4.3 Kesimpulan	76
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	78
5.2 Perbincangan	80
5.3 Cadangan	82
5.4 Kesimpulan	86
Rujukan	87

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SINDIRAN HALUS DAN LEMBUT DALAM PERIBAHASA: PENGAPLIKASIAN TEORI RELEVANS.

ABSTRAK

Sindiran merupakan aliran pemikiran Melayu yang disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui puisi tradisional dibawah konteks peribahasa. Peribahasa Melayu jelas menjadi cerminan nyata nilai sosial, moral serta fungsi adat sesebuah masyarakat. Sekaligus menonjolkan falsafah yang dipegang oleh orang Melayu yang disulam di dalam peribahasa yang berkaitan dengan metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika hasil interaksi mereka terhadap persekitaran. Sehubungan itu, tulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis gaya bahasa sindiran serta menganalisis pemikiran sindiran halus dalam peribahasa menggunakan teori Relevans gagasan ideologi Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986). Data peribahasa dikumpul daripada teks peribahasa Melayu iaitu *100 Pepatah Petith Melayu*. Hasil kajian mendapati sindiran halus di dalam peribahasa dipamerkan melalui lima kategori situasi iaitu di dalam konteks kehidupan orang Islam, tuntutan kepada pelajar, institusi kekeluargaan, hubungan persahabatan dan sesebuah organisasi. Kajian juga membuktikan ternyata sindiran merupakan hasil daripada pemikiran dan bahasa yang disulami di dalam peribahasa. Kesimpulannya, penitian disebalik sindiran di dalam peribahasa adalah bertujuan untuk menjadi medium teguran kepada khalayak, di samping dapat menyerlahkan ketinggian pemikiran dan kekreatifan bangsa Melayu.

**Kata Kunci : Sindiran, Pemikiran, Peribahasa, Gaya Bahasa Sindiran, Teguran,
Teori Relevans**

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

FINE AND SOFT INTERPRETATION IN PROVERBS: APPLICATION OF RELEVANCE THEORY.

ABSTRACT

Satire is a school of thought Malay delivered the letter and spirit through traditional poetry under the context of the proverb. Malay proverb clearly a reflection of real social values, morals and customs of a society function. As well as highlighting the philosophy of the Malay proverb embroidered in connection with metaphysics, epistemology, ethics, logic and aesthetic result of their interaction with the environment. In this regard, this paper aims to identify type of satire and analyze subtle satire in proverbs using the theory of Relevance of ideological ideas of Dan Sperber and Deidre Wilson (1986). Proverb Data collected from text Malay proverbs were *100 Malay proverb saying*. The results of this study found that the sympathy of the proverb is reflected in five categories of situations that are in the context of Muslim life, student demands, family institutions, friendship relations and an organization. Studies have also shown that sarcasm is the result of thoughts and language embedded in proverbs. In conclusion, the research behind the satire in the proverb is meant to be a warning to the public media, as well as to highlight the elevation of thought and creativity of the Malays.

Keywords: Satire, Thought, Proverbs, Satire Language Style, Criticism, Relevance Theory

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pada dasarnya, sastera boleh diumpamakan sebagai salah satu keajaiban dunia yang unik merangkumi hasil seni yang indah serta bersifat universal yang mampu memberikan impak mendalam kepada khalayaknya. Menyingkap terhadap pengertian sastera di dalam *Kamus Dewan* (2015:1396) sastera merujuk kepada bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Manakala kesusasteraan dertiarkan sebagai hasil seni iaitu karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu seperti orang yang mempunyai kepakaran dalam kesusasteraan yang mampu mengarang kehalusan sesebuah karya prosa, puisi dan sebagainya.

Sastera merupakan satu bidang seni kreatif yang mempunyai medium pengantarnya tersendiri yang merujuk kepada bahasa seperti tradisi lisan. Tradisi lisan, budaya lisan, dan adat lisan adalah pesan serta kesaksian yang disampaikan secara turun-temurun dari generasi ke generasi berikutnya. Pernyataan ini disokong oleh Syed Ali Ashraf (1989:36) yang mendefinisikan sastera merangkumi segala aktiviti manusia secara kreatif yang tidak hanya tertumpu kepada ilmu seni.

Peribahasa merupakan suatu ungkapan yang telah wujud dan telah diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai sebuah medium komunikasi interaksi yang telah wujud semenjak dua alaf lalu di Kepulauan Melayu. Lazimnya, peribahasa ini wujud

untuk memberi teguran dan nasihat kepada masyarakat dengan pemakaian bahasa yang tinggi serta mementingkan aspek kesantunan bahasa. Kesantunan bahasa begitu sinonim dalam masyarakat Melayu sehingga membentuk sebuah warisan yang penting dalam pembentukan keperibadian bangsa hingga kini. Ini bertepatan dengan pendapat Awang Sariyan (2007) yang menyatakan bahawa salah satu bentuk bahasa yang mengungkapkan kesantunan berbahasa ialah peribahasa sama ada dalam bentuk yang dikenali sebagai simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah, perbilangan mahupun kata-kata hikmat.

Rentetan itu, peribahasa merujuk kepada ungkapan yang telah disampaikan dalam bentuk sindiran samada secara halus serta lembut bagi menyatakan teguran, didikan, nasihat dan pengajaran kepada masyarakat Melayu. Dalam sistem perhubungan, penggunaan kata yang baik dan tersirat sangat penting untuk mengatasi masalah pertelingkahan yang mungkin berlaku dalam sesebuah komuniti sosial. Oleh itu, pemakaian bahasa sindiran merupakan medium utama dalam menyampaikan maksud tersirat di alam Kepulauan Melayu.

Bahasa sindiran merupakan ujaran yang ditujukan kepada segelintir masyarakat secara berkias dan tidak tepat, iaitu mempunyai makna yang bertentangan daripada ujaran tersebut (Zainal Abidin Ahmad, 1965). Walau bagaimanapun, pentafsiran yang betul haruslah dibuat agar mesej yang hendak disampaikan benar-benar difahami oleh pendengar. Justeru, pengkaji menfokuskan kepada pemakaian bahasa sindiran yang sarat di dalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* (Siti Zainon Ismail, 2010) bagi membentuk moral masyarakat Melayu dengan pemakaian bahasa yang indah untuk menyantuni jiwa masyarakat.

Dalam kajian ini, teori Relevan ideologi Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986) telah dipilih sebagai gagasan utama didalam kajian ini. Melalui teori ini terdapat dua prinsip utama iaitu prinsip teori relevan kognitif dan prinsip teori relevan komunikatif. Prinsip relevan kognitif merujuk kepada pemikiran manusia yang lebih menjurus untuk mencapai relevan yang paling maksimum. Manakala prinsip relevan komunikatif pula berkaitan dengan tingkah laku yang boleh menyampaikan sesuatu andaian yang optimum. Bertepatan dengan pendapat Nor Hashimah (2003) yang mengatakan bahawa sesuatu ujaran akan terurai maksudnya jika penyingkapan maksud ujaran tersebut dilakukan selapis demi selapis untuk memastikan interpretasi dapat digapai.

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti pemikiran yang terdapat di dalam peribahasa sebagai sindiran halus kepada masyarakat. Serta menganalisis jenis dan keberkesanan Gaya Bahasa sindiran di dalam peribahasa Melayu melalui pengaplikasian Teori Relevans. Sekaligus dapat membuktikan bahawa pemikiran yang berunsur sindiran halus dan lembut yang terkandung di dalam peribahasa dapat menyumbangkan kepada pembentukan moral masyarakat dengan penggunaan analisis teori relevans.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.

Peribahasa merupakan sebuah bentuk puisi tradisional yang mengandungi susunan bahasa dan pemilihan diksi yang indah. Hal ini bertepatan dengan konsep peribahasa yang diutarakan oleh Ding Choo Ming (2009). Antara sifat yang terkandung di dalam peribahasa adalah seperti bahasa yang terkandung dalam peribahasa tersebut adalah indah dan berirama, susunan perkataan amat kemas dan bernas serta isi-isi yang terkandung dalam peribahasa tersebut adalah beranika. Selain itu, Za'ba (1965) telah menyatakan bahawa peribahasa bermaksud satu susunan kata yang pendek yang telah menjadi sebutan di mulut-mulut manusia sejak zaman silam yang mempunyai makna yang luas dan bijak serta baik untuk didengari. Oleh itu, pemakaian bahasa di dalam peribahasa lebih menjurus kepada bahasa tersirat yang dikenali sebagai bahasa sindiran dalam menyampaikan mesej serta hasrat diantara sejagat. Bahasa sindiran merupakan aliran pemikiran Melayu yang telah disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui puisi tradisional iaitu peribahasa. Menurut *Kamus Dewan* (2010:1499), sindiran bermaksud perkataan yang telah digunakan untuk mengata, mengeji dan mencela seseorang sama ada secara tidak terus atau berkias. Manakala perkataan "halus" merujuk kepada tingkah laku berbudi bahasa baik, beradab dan juga bersopan santun.

Sehubungan itu, kajian ini menggunakan teori Relevan gagasan ideologi Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986). Melalui teori ini terdapat dua prinsip utama yang ditekankan iaitu prinsip teori relevan kognitif dan prinsip teori relevan komunikatif. Prinsip relevan kognitif merujuk kepada pemikiran manusia yang lebih menjurus untuk mencapai relevan yang paling maksimum. Manakala prinsip relevan komunikatif pula berkaitan dengan tingkah laku yang boleh menyampaikan sesuatu andaian yang optimum.

Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa figuratif seperti hiperbola, metafora dan ironi ternyata tampak ketara melanggar maksim kerjasama Grice (1975) dalam kaedah implikatur. Walau bagaimanapun, pengaplikasian bahasa figuratif ini mampu menyampaikan mesej dan dapat difahami. Menurut Sperber dan Wilson, 1986 (Nor Hashimah, 2003), mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan bahasa figuratif ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Kajian ini berpendapat bahawa pandangan ini selaras dengan beberapa kajian yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu yang banyak menggunakan kiasan atau sindiran halus dalam pertuturan mereka. Hal ini demikian kerana, dikhawatiri apabila menggunakan bahasa secara langsung atau lantang akan menyinggung perasaan orang lain. Walaupun penutur peribahasa menggunakan platform kiasan dan sindiran, namun maksud yang hendak disampaikan dapat difahami dan menyantuni hati pendengar.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemikiran yang berunsur sindiran halus dan lembut yang terkandung di dalam peribahasa yang dapat menyumbangkan kepada pembentukan moral masyarakat dengan penggunaan analisis teori relevans.

1.3 PENYATAAN MASALAH KAJIAN.

Peribahasa merupakan ungkapan yang mengandungi kata-kata kemas, padat, tetapi ringkas dan mempunyai maksud yang tertentu di dalam pengucapannya. Peribahasa merupakan suatu medium teguran yang dapat membentuk sahsiah masyarakat khususnya dalam kalangan remaja kini. Apabila teguran secara halus tidak diaplikasikan, maka **kejatuhan moral** anak muda tidak dapat dikekang. Hal ini dibuktikan melalui pernyataan daripada Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Mohamad Fuzi Harun yang mengatakan statistik indeks jenayah melibatkan pelajar sekolah mencatatkan 1,285 kes pada tahun 2018. Kegagalan pentaksiran yang tepat berkenaan mesej dan teguran yang terkandung di dalam peribahasa akan mempengaruhi proses pembinaan modal insan dalam diri remaja sukar dibentuk.

Seterusnya, di Malaysia, kajian tentang sindiran halus dalam peribahasa dengan pengaplikasian teori relevans **kurang diberi perhatian**. Walau bagaimanapun, daripada kajian terdahulu, terdapat sebilangan penulis yang berminat membincarakan keindahan peribahasa didalam hasil karya kesusastraan seperti Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), Imran Ho-Abdullah (2011), Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin (2011), Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor (2011), Hashim Musa, Normahdiah Said & Rozita Che Rodi (2012), Nurul Hanis Ibrahim (2014), Junaini Kasdan (2015), Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail (2016), Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016), Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2019). Namun, sehingga kini masih terdapat perloongan untuk menghubungkaitkan kajian peribahasa dengan analisis teori relevans. Seterusnya menjelaskan kefahaman masyarakat dalam memahami maksud sebenar disebalik sindiran yang terdapat didalam peribahasa itu sendiri.

Oleh itu, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti dan menganalisis “Sindiran Halus dan Lembut di dalam Peribahasa” dengan nafas yang baharu. Dalam kajian ini, penerapan Teori Relevans yang diasaskan oleh Dan Sperber dan Wilson dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Dalam menjadikan kajian ini lebih sempurna, beberapa persoalan kajian diketengahkan dengan meneliti aspek-aspek berikut:

- a) Apakah jenis-jenis gaya bahasa sindiran yang terdapat di dalam peribahasa sebagai pedoman kepada masyarakat?
- b) Bagaimanakah pengaplikasian Teori Relevans menepati pemikiran sindiran halus dan lembut dalam peribahasa?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti, menganalisis serta mengaplikasi dengan lebih mendalam berkenaan sindiran halus dalam peribahasa.

- a) Mengenalpasti jenis gaya bahasa sindiran yang terdapat di dalam peribahasa.
- b) Menganalisis pemikiran dan keberkesanan peribahasa sebagai sindiran halus kepada masyarakat melalui pengaplikasian Teori Relevans.

1.6 DEFINISI KONSEP

Bahasa dikenali sebagai suatu alat perhubungan komunikasi dalam menghubungkan antara sejagat, juga ia turut dikenali sebagai alat dalam menyampaikan idea dan pemikiran seseorang di dalam sesebuah kelompok masyarakat. Sehubungan itu, dalam sistem perhubungan, penggunaan kata yang baik dan tersirat terbukti penting bagi mengatasi isu pertelingkahan yang mungkin berlaku dalam sistem jalinan sosial. Penggunaan kata yang tersirat ini lebih tepat digelar sebagai bahasa sindiran. Bahasa sindiran dapat dimaknakan sebagai suatu bahasa yang mengandungi aneka ragam kerana sifatnya yang tersirat dan bertentangan dengan kata yang diujarkan oleh seseorang mengikut konteks situasi yang sesuai. Kebiasaannya, penggunaan kata sebegini digunakan oleh masyarakat sehingga mendatangkan kesan sama ada negatif atau positif terhadap penerima, dengan bantuan pentafsiran yang betul agar mesej yang ingin disalurkan dapat difahami oleh pendengar.

Pada zaman dahulu, puisi tradisional merupakan salah satu kaedah komunikasi yang acap kali dituturkan oleh masyarakat dalam menyampaikan hasrat dan mesej antara sejagat. Sedia maklum, peribahasa merupakan sebuah puisi tradisional yang sering menjadi pilihan masyarakat dalam berkomunikasi. Hal ini demikian kerana, peribahasa Melayu mempunyai jalinan rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu yang lahir daripada struktur sosial Melayu klasik, sikap, aktiviti kehidupan serta pegangan falsafah yang mereka anuti. Oleh itu, keindahan peribahasa ini mampu memancarkan jalinan rapat antara bahasa dan pemikiran bangsa Melayu yang terhasil daripada nilai dan hati budi orang Melayu. Peribahasa turut menyerlahkan cara fikir bangsa Melayu dalam menilai setiap aspek dunia.

Menelusuri terhadap hubungan diantara bahasa dan bangsa yang jelas mempunyai kaitan rapat yang memancarkan hubungan intrinsik antara bahasa dan sikap, pemikiran dan tingkah laku sesuatu bangsa itu yang dapat diidentifikasi melalui pemakaian bahasa termasuklah peribahasa. Sehubungan itu, teori Relevans gagasan Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986) telah dipilih sebagai kerangka utama dalam menganalisis sindiran halus yang terdapat didalam peribahasa terpilih. Bersesuaian dengan matlamat utama teori ini yang memperincikan ciri proses mental yang berhubungkait dalam penginterpretasian ujaran dan maklumat. Hal ini demikian kerana, kognisi manusia lebih terarah dalam mencapai impak kognitif yang sebanyak mungkin dengan menggunakan usaha memproses maklumat yang sedikit.



1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah kualitatif analisis teks di dalam buku 100 *Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail. Oleh itu, pengkaji ingin memfokuskan kepada pemikiran sindiran yang halus dan lembut yang terdapat di dalam peribahasa mengikut penganalisisan teks 100 *Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail.

Analisis terhadap teks-teks peribahasa ini bertujuan untuk menyenaraikan pemikiran penuntur sebagai medium teguran orang Melayu dalam koleksi peribahasa ini terhadap masyarakat setempat pada masa dahulu. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman tradisional pandai dalam menasihati dan menegur dengan menggunakan bahasa-bahasa yang baik dari perkataannya atau bahasa kiasan sehingga melahirkan moral insan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Metode yang digunakan adalah melalui kaedah kepustakaan, dimana pengkaji telah mendapatkan maklumat berkenaan tajuk sindiran halus didalam peribahasa daripada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, kaedah Internet turut dilakukan untuk membuat rujukan berkenaan kajian lepas didalam konteks sindiran halus didalam peribahasa.

Selain daripada yang dinyatakan diatas, kajian ini turut membataskan kepada kajian dengan menggunakan Teori Relevans oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986) sebagai kerangka utama. Pengkaji menggunakan pendekatan relevans kognitif dan pendekatan relevans komunikatif berkenaan dengan menganalisis teks-teks peribahasa yang mengandungi sindiran halus serta pemikiran penutur.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengaplikasian teori Relevans terhadap sindiran halus didalam peribahasa dengan pengaplikasian teori relevans ini masih **belum dilakukan dan ditemui lagi**. Kajian lepas yang dilakukan oleh segelintir pengkaji berkenaan peribahasa tidak menggunakan pendekatan relevans sebagai kerangka utama kajian. Oleh itu, langkah untuk melaksanakan kajian ini mungkin sedikit sebanyak dapat mempelbagaikan kajian puisi peribahasa sebagai genre puisi Melayu tradisi iaitu karya agung masyarakat Melayu ke tahap yang lebih tinggi.

Selain itu, Peribahasa merupakan ungkapan yang mengandungi kata-kata kemas, padat, tetapi ringkas dan mempunyai maksud yang tertentu di dalam pengucapannya. Peribahasa merupakan suatu medium teguran yang dapat membentuk sahsiah masyarakat khususnya dalam kalangan remaja kini. Hal ini demikian kerana, menurut Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Mohamad Fuzi Harun yang mengatakan statistik indeks jenayah melibatkan pelajar sekolah mencatatkan 1,285 kes pada tahun 2018. Hal ini jelas menunjukkan **kejatuhan moral** anak muda kian meruncing. Oleh itu, penerapan pemikiran pengarang di dalam peribahasa mampu membantu pembentukan sahsiah anak remaja.

1.9 KESIMPULAN

Peribahasa mengungkap pelbagai makna sama ada ianya tersurat maupun tersirat. Hal ini dapat dilihat melalui pemikiran pengarang Melayu yang kreatif dalam menghasilkan karya yang merangkumi idea, pandangan, nasihat, perasaan dan pengajaran dengan falsafah yang tinggi. Pemikiran dan falsafah bangsa Melayu yang digambarkan melalui penggunaan bahasa yang juga dimasukkan unsur alam semesta bagi membuat perbandingan dan menyampaikan teladan, nasihat, nilai dan peraturan hidup bagi memberikan pengertian yang mendalam kepada masyarakat.

Tambahan lagi, penggunaan Teori Relevan yang dihasilkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 digunakan sebagai kerangka panduan dalam kajian terhadap peribahasa ini. Teori ini dilihat sesuai diaplikasikan dengan peribahasa kerana ada menyentuh tentang pemikiran pengarang yang banyak menghasilkan karya untuk mengkritik atau menyindir masyarakat secara halus dan lembut. Penggunaan bahasa yang ringkas tetapi di dalamnya terkandung maksudnya yang tersendiri. Pemikiran yang diterjemahkan dalam peribahasa juga dilihat sesuai dengan masyarakat Melayu itu sendiri. Penggunaan bahasa dan perkataan yang memperlihatkan gambaran kehidupan masyarakat pada masa dahulu yang terlibat dengan penternakan, perdagangan, pertanian sara diri dan pelayaran.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN TERDAHULU

2.0 PENDAHULUAN

Di dalam bab ini penulis akan membincangkan beberapa aspek utama seperti kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkenaan implikatur dan teori yang menjadi dasar pengkajian mereka. Aspek utama yang akan dibincangkan oleh penulis secara mendalam adalah berkenaan aspek sindiran, peribahasa dan teori relevan yang menjadi teori utama yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini akan dimulakan dengan penerangan tentang ilmu pragmatik yang menjadi satu subjek penting di dalam kajian ini.

2.1 PENGKAJIAN LEPAS BERKENAAN PERIBAHASA DI DALAM KARYA.

2.1.1 Tesis

Nurul Hanis Ibrahim (2014) dalam kajian nya yang bertajuk *Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu Ke Bahasa Arab* telah menganalisis strategi penterjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab daripada sebuah Kamus *Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji telah menganalisis strategi penterjemahan peribahasa adalah berlandaskan lima jenis Taksonomi Larson (1998). Kajian berkenaan penterjemahan peribahasa Melayu – bahasa Arab ini merupakan cabang bahasa kiasan yang dibincangkan dalam bidang penterjemahan kerana mengkaji dua bahasa dan budaya yang berbeza. Hal ini demi menjadi medium penyebaran ilmu pengetahuan berkenaan budaya daripada masyarakat berlainan.

Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) di dalam kajian bertajuk *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai Dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Dimana, pengkaji menfokuskan kepada peribahasa yang dijadikan elemen penting dalam membentuk jati diri pelajar dan seterusnya membangunkan minda dalam kalangan pelajar Malaysia. Selain itu, kajian tentang peribahasa Melayu turut menjelaskan tentang falsafah, pengajaran dan gambaran ketinggian pemikiran bangsa Melayu zaman dahulu yang disampaikan secara halus dan berkesan. Dapatan kajian mendapati bahawa aspek nilai dan pemikiran yang terkandung dalam peribahasa ini dipaparkan mengikut enam belas nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

2.1.2 Artikel Jurnal

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) di dalam kajian yang bertajuk *Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu* telah mengenalpasti pemikiran Melayu yang disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu. Kajian ini menfokuskan kepada pemikiran dalam peribahasa Melayu yang ada kaitannya dengan metafizik, epistemologi, etika, dan estetika hasil interaksi mereka terhadap alam benda, alam flora dan fauna. Sehubungan itu tulisan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan diantara bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu menggunakan hipotesis Sapir- Whorf. Hasil kajian mendapati bahawa kehalusan peribahasa telah menyerlahkan ketinggian pemikiran dan kekreatifan bangsa Melayu dalam penciptaan peribahasa Melayu dengan bersumberkan alam sekeliling.

Seterusnya, Imran Ho-Abdullah (2011) dalam kajian yang bertajuk *Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris)* telah mengupas perkaitan haiwan didalam peribahasa. Melalui konteks perbincangan,

pengkaji telah membincangkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia membentuk peribahasa melibatkan haiwan dari sudut pragmatik kognitif. Analisis mendapati dalam peribahasa Melayu, anjing lazimnya dipetakan kepada orang yang lemah, hina, jahat serta tidak berilmu. Ini amat berbeza dengan pemetaan yang berlaku dalam bahasa Inggeris di mana anjing sering dipetakan kepada manusia yang taat setia. Sekaligus, menampakkan perbezaan antara proposisi dan skema metaforikal dalam peribahasa haiwan.

Menurut Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin (2011) dalam kajian yang bertajuk *Terjemahan ‘Air’ Dalam Peribahasa Melayu- Inggeris: Analisis Semantik Kognitif* telah membincangkan perbezaan budaya Melayu-Inggeris yang biasanya menyebabkan para penterjemah menghadapi pelbagai kesukaran dalam memahami makna sesuatu peribahasa. Berasaskan kerangka teori Prinsip Invarians Lakoff (1993) serta memanfaatkan himpunan koleksi peribahasa bahasa Melayu yang diperolehi daripada Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris (2007), kajian ini membahaskan pemindahan simbolisme “AIR” dalam peribahasa bahasa Melayu ke dalam peribahasa bahasa Inggeris dengan tujuan memperlihatkan keboleh terjemahan simbolisme tersebut dalam bentuk topologi kognitif.

Sementara itu, Noraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor (2011) turut membuat kajian berkenaan peribahasa yang bertajuk *Peribahasa: Gambaran Minda Melayu Dalam Penciptaan Iklan*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji menfokuskan penyelidikan tentang kesesuaian, kemampuan dan keistimewaan peribahasa dalam konteks moden bagi mengungkapkan minda masyarakat. Oleh itu, skop perbincangan menfokuskan kepada periklanan media cetak seperti akhbar dan di saluran televisyen yang menggunakan peribahasa sebagai kata kunci attraktif menarik khalayak. Hasil

kajian mendapati bahawa pengaplikasian peribahasa di dalam peribahasa antara usaha untuk memartabatkan khazanah warisan puisi tradisional di peringkat lebih tinggi.

Menurut Hashim Musa, Normahdiah Said & Rozita Che Rodi (2012) dalam kajian yang bertajuk *Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang* yang menelusuri warisan sifat keperibadian sosial orang Melayu yang tersemai dalam hati budinya atau “psyche”, dan terjelma dalam tindak tanduk, budi pekerti, budi bahasa nilai norma pemikiran dan ilmunya yang terkandung di dalam peribahasa. Demi meneliti keadaan hati budi orang Melayu, kajian ini dilakukan untuk mengukur sejauh mana keakuran atau penyimpangan teras hati budi Melayu dalam kalangan orang Melayu kini. Oleh yang demikian daya usaha pemupukan kembali 26 teras hati budi itu pada masa kini sangat mendesak demi menjana dan membina umat Melayu masa depan yang gemilang dengan penerapan pemakaian peribahasa yang sebenar.

Seterusnya, Junaini Kasdan (2015) dalam kajian yang bertajuk *Unsur Asam Dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif* telah mengupas berkenaan peribahasa Melayu yang memaparkan jiwa penunturnya serta mencerminkan akal budi penuntur. Melalui konteks perbincangan, pengkaji menggunakan pendekatan pragmatik inkuisitif yang cuba mengangkat makna dan akal budi Melayu melalui unsur asam yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa di sebalik peribahasa ada ilmu dan akal budi yang ingin disampaikan, namun semuanya bergantung kepada sudut pandang penunturnya. Kajian makna tidak seharusnya tertumpu pada peringkat pragmatik dan kognitif semata-mata kerana ia bukan sekadar abstraksi objek yang berlegar di ruang kognitif, tetapi juga merupakan ungkapan yang

memiliki tahap kreativiti dan mutu yang sangat tinggi kerana memampatkan ilmu yang jitu.

Menerusi kajian peribahasa Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nuraskin Wan Ismail (2016) yang bertajuk *Ikan (Pisces) Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Pengkaji telah mentakrifkan peribahasa Melayu sebagai suatu daripada komponen penting dalam puisi Melayu tradisional yang mencorakkan nilai budi orang Melayu, yang telah sebatи dalam kehidupan seharian. Oleh itu, dapatan kajian dapat pengkali cuba meneroka akal budi dan falsafah orang Melayu yang terkandung dalam peribahasa dengan memberikan tumpuan kepada unsur ikan melalui kacamata inkuisitif. Kajian ini bukan sahaja dapat menghuraikan fenomena yang berlaku dalam peribahasa, malah dapat mencungkil kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu pada zaman dahulu yang tinggi daya pemikirannya.

Manakala, Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016) di dalam kajian peribahasa yang bertajuk *Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik* telah menyelidik mengenai deria rasa masam, masin, manis dan pahit dalam kiasan Melayu. Melalui konteks perbincangan, pengkaji telah menghuraikan makna implisit dan makna implisit kompleks bahasa kiasan khususnya peribahasa dan kaitannya dengan akal budi Melayu. Kajian ini bertunjangkan teori dengan kaedah inkuisitif yang menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Dapatan kajian mendapat bahawa, berdasarkan pendekatan yang telah digunakan, kajian kiasan dapat membuktikan hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran yang merencam kehidupan serta akal budi penunturnya.

Selain itu, Ahmad Fuad Mat Hassan (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Warisan Budaya Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu* cuba membuktikan bahawa peribahasa Melayu sememangnya layak dijadikan warisan budaya pemikiran masyarakat. Hal ini demikian kerana, peribahasa Melayu yang telah diungkapkan oleh masyarakat Melayu klasik telah merungkai pelbagai persoalan yang mendasari tindakan manusia dalam kehidupan sosial. Sekaligus memaparkan akal budi masyarakat Melayu klasik yang sangat terikat dengan adat istiadat, struktur sosial, sikap, lapangan kehidupan serta falsafah hidup yang dianuti. Justeru, pengkaji telah menggunakan pendekatan hipotesis Sapir Whorf (1921) sebagai kerangka utama dalam menganalisis pemikiran masyarakat Melayu di dalam peribahasa. Keberhubungan antara peribahasa dan budaya bermasyarakat ini menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu dalam semua aspek kehidupan lahiriah dan batiniah yang seharusnya dijaga dan dipulihara seterusnya diwarisi untuk generasi yang akan datang.

Menurut Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan (2017) dalam kajian *Refleksi Dualisme ‘Durian-Timun’ Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif* yang telah mengkaji konsep dualism di dalam peribahasa. Konsep dualisme sering kali dibahaskan dalam ruang lingkup yang pelbagai merangkumi dualism agama, dualism pendidikan, pembangunan Negara dan ekonomi. Dapatkan kajian mendapati bahawa peribahasa yang berdasarkan gandingan objek ‘durian-timun’ menunjukkan unsur pertentangan bagi maksud yang disampaikan. Perbezaan unsur ini menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan pertentangan kuasa (kuat-lemah) bagi gandingan ‘durian-timun’. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya yang diaplikasikan dalam kajian, telah menghasilkan huraihan makna kiasan Melayu yang akhirnya mengetengahkan akal budi penuturnya.

Seterusnya, Muhammad Zaid Daud (2018) dalam kajian yang bertajuk *Domain Rezeki Dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif*. Melalui konteks perbincangan, Muhammad Zaid telah menganalisis peribahasa Melayu yang berunsurkan Aves melalui perspektif inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam domain “rezeki”. Kewujudan Aves dalam peribahasa Melayu dapat dipecahkan kepada beberapa sub haiwan yang lain iaitu ayam, burung, itik dan angsa. Hasil kajian mendapati penggunaan data korpus bukan sahaja mampu memberikan anteseden tambahan kepada pengkaji malahan dapat membantu pengkaji memahami konteks sebenar peribahasa tersebut sehingga ke akal budi penuturnya.

Sementara itu, kajian *Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu* hasil pengkajian Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir telah dilakukan pada tahun 2019. Melalui konteks perbincangan, pengkaji telah menggabung jalankan pendekatan pragmatik inkuisitif dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan Bahasa Melayu. Rangka Rujuk Silang (PRS) diaplikasikan mengikut kesesuaian konteks pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati bahawa penggabung jalinan pragmatik inkuisitif ke dalam pengajaran peribahasa, pengkaji dapat mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati di sebalik makna harfiah peribahasa tersebut dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran peribahasa lebih bermakna.

Akhir sekali, pengkajian berkenaan peribahasa yang dilakukan oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2019) yang bertajuk “*Sudah Tidak Tersudu Oleh Angsa, Baru Diberikan Kepada Itik*”: Perspektif Semantik Inkuisitif Dan Akal Budi Melayu. Melalui konteks perbincangan, pengkaji ingin mencapai jawapan berkenaan persoalan penggunaan imej perlambangan haiwan untuk merujuk perbuatan manusia oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hasil kajian mendapati bahawa pemberian

makna dan perkaitan imej perlambangan haiwan dalam peribahasa tersebut telah memperlihatkan bahawasanya masyarakat pada zaman dahulu tinggi keintelektualannya. Oleh itu, penggunaan data korpus ini, merupakan contoh penggunaan atau contoh sebenar penggunaan bahasa yang telah diguna pakai oleh manusia sehari-hari. Justeru, berdasarkan rujukan semua ini mampu menghuraikan konteks sebenar peribahasa tersebut sehinggaalah ke akal budi penuturnya.

2.2 PENGKAJIAN LEPAS BERKENAAN TEORI RELEVANS DI DALAM KARYA.

2.2.1 Artikel Jurnal

Menerusi kajian pengaplikasian Teori Relevans oleh Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal (2006) dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkenaan *Citra Lelaki Dulu dan Kini dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevans*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji telah menfokuskan kajian berkenaan citra lelaki yang kerap disanjung oleh budaya Melayu yang sering menjadi bahan korpus di dalam prosa Melayu samada klasik mahupun karya moden. Dapatkan kajian mendapati pengaplikasian Teori Relevans sebagai kerangka utama analisis kajian mampu membantu pembaca memahami watak lelaki yang dilakarkan dengan saintifik dengan menitikberatkan pemprosesan maklumat dilakukan terlebih dahulu. Oleh kerana watak lelaki sering disanjung sebagai berkuasa, tempat berpaut bagi wanita, kuat, sentiasa ‘tidak bersalah’ dalam tindak tanduk, telah memberikan persepsi seolah-olah dunia ini milik lelaki. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk melihat citra lelaki Melayu melalui analisis Teori Relevans dengan menggunakan korpus filem dan novel bagi mensahihkan persepsi tersebut. Kesimpulannya, penggunaan eksplikatur dan implikatur pada mesej yang hendak disampaikan akan dicungkil bagi memudahkan pemahaman pembaca mengenali peribadi lelaki Melayu.

Tambahan lagi, sorotan kajian yang dirujuk oleh pengkaji adalah berkenaan *Imbuhan Akhiran Kata Nama – An dalam Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Teori Relevans* yang merupakan hasil kajian Ahmad Harith Md.Yusuf & Suzanna Othman (2012) dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA. Berdasarkan kepada sorotan kajian ini didapati bahawa kajian yang dijalankan lebih menumpukan perbincangan berkenaan pendiskripsian tentang makna imbuhan akhiran kata nama – **an** di dalam bahasa Melayu. Seterusnya,uraian dan pemerian yang dilakukan merangkumi analisis bebas konteks, analisis berdasarkan struktur binaan, analisis ayat-ayat tunggal serta intuisi.Oleh pengaplikasian Teori Relevans (1966,1995) dan Analisis Rangka Rujuk Silang (1986) telah dipilih sebagai analisis utama terhadap data korpus DBP. Seterusnya mampu menawarkan satu bentuk penjelasan yang menepati tahap kepadaan dalam kajian pragmatik, sekaligus makna imbuhan akhir dapat dijelaskan dengan baik melalui analisis peka-konteks.

Menerusi kajian pengaplikasian Teori Relevans, Zuraidah Mohd Sulaiman, Gan Kiat Chien, Eng Sze Boon & Ahmad Harith Md.Yusuf (2012) dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA berkenaan *Slanya Remaja Melayu dan Cina: Analisis Awal Berdasarkan Teori Relevan*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji telah mengaplikasi Teori Relevan bagi membuktikan makna implisit dan eksplisit korpus lisan yang dituturkan oleh remaja berbangsa Melayu dan Cina. Menerusi pengaplikasian teori ini, konsep perluasan dan penyempitan makna akan turut diteliti bagi melihat kesahan ujaran yang dituturkan sama ada wujud atau tidak kehadiran leksikal atau makna-makna lain dalam proses pembentukan slanya yang digunakan. Secara keseluruhannya, aplikasi slanya dalam korpus lisan remaja Melayu dan Cina ini memperlihatkan persamaan fungsi slanya, iaitu sebagai unsur pengibaran yang tepat dan berkesan dalam mengukuhkan interaksi sosial pragmatik mereka.

Menurut Hasmidar Hassan (2014) dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia di dalam kajianya yang bertajuk *Ucap Selamat, Ungkapan Anomali Namun Dimengertikan Dalam Komunikasi: Penjelasan Dari Perspektif Pragmatik*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji menggunakan pendekatan pragmatik, khususnya Teori Relevans yang didukung oleh prinsip Relevans Kognitif dan prinsip Relevans Komunikatif sebagai deduksi utama dalam menganalisis kajian. Oleh itu, di dalam kajian ini, bagi menjamin ujaran yang disampaikan difahami, maka penutur mestilah memastikan ujaran selamat yang disampaikan relevan dan berbaloi untuk diproses. Secara kesimpulannya, ucapan selamat dan ungkapan pragmatik dituturkan untuk mencapai satu matlamat utama seperti perdamaian, keharmonian dan sebagainya, mesej yang terkandung dalam ucapan ini menuntut penutur untuk memproses pemikiran disebaliknya menggunakan pengaplikasian proses maklumat dari Teori Relevan.

Melihat kajian yang dilakukan oleh Nurul Huda Mohd Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad (2015) berkenaan *Penelitian Semula Makna Imbuhan meN-: Kajian Eksplisit Vs Implisit* dengan mengaplikasikan Teori Relevans. Melalui konteks perbincangan, pengkaji ingin menjelaskan kerencaman makna imbuhan meN- kerana kajian lepas berhubung pemaknaan imbuhan meN- adalah berbentuk eksplisit. Oleh itu, data dibataskan dari Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka berjumlah 135 juta perkataan. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan mengaitkan maklumat pragmatik ataupun bentuk pragmatik dengan maklumat tambahan yang diperoleh daripada keseluruhan ayat sebagaimana yang dianjurkan dalam Teori Relevans (TR), konsep rangka rujuk silang (RRS) dan ad hoc. Akhirnya, kajian ini membawa kepada pemaknaan imbuhan meN- yang berbentuk implisit dan disifatkan lebih peka konteks.

Sementara itu, pengaplikasian Teori Relevans sebagai kerangka utama analisis kajian telah dilakukan oleh Mary Fatimah Subet (2015) dari Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak dalam kajian yang bertajuk *Sajak “Pelacur Tua”: Analisis Teori Relevans*. Menerusi konteks perbincangan, Mary Fatimah Subet telah mengenalpasti pemikiran disebalik pemakaian bahasa yang digunakan oleh Sasterawan Negara, Usman Awang hasil puisi beliau yang berjudul *Pelacur Tua*. Oleh itu, pengaplikasian Teori Relevan (1986) telah digunakan sebagai deduksi utama dalam menganalisis kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa bahasa pragmatik yang digunakan oleh Usman Awang merangkumi gaya bahasa sindiran personifikasi, hiperbola dan ironi. Bahasa pragmatik yang dikaji mengandungi rahsia perasaan seorang pelacur dan juga perasaan masyarakat umum terhadap pelacur. Hasil kajian mendapati, kajian ini dijalankan demi memaparkan pembuktian secara saintifik terhadap pelbagai perasaan yang dialami oleh seorang pelacur seperti gelisah, tidak selesa, sunyi, penat, sedih menyesal di sebalik mudah mendapat wang.

Tambahan, pengaplikasian Teori Relevans sebagai kerangka utama analisis kajian telah dilakukan oleh Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai (2016) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam kajian yang bertajuk *Imbuhan Ter- dari Perspektif Teori Relevans*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji memaparkan makna imbuhan ter- berdasarkan perspektif penahu-penahu lepas, serta perbandingan dibuat menggunakan data korpus Harakah yang lebih besar untuk melihat kerelevanan makna imbuhan ter- itu sendiri. Dapatan kajian mendapati bahawa pengaplikasian ilmu pragmatik dan ilmu pragmatik didapati sangat membantu dalam penginterpretasi makna imbuhan seperti yang disarankan dalam Teori Relevans. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa gabungan antara ilmu pragmatik mampu memperlihatkan wujudnya interaksi antara dua ilmu tersebut untuk mendapatkan makna imbuhan ter- dengan lebih jelas. Tuntasnya,

dengan pendekatan pragmatik khususnya Teori Relevans, maka makna ayat yang diimplikasikan oleh imbuhan ter- ini dapat diinterpretasi dengan baik dan berpada.

Menelusuri terhadap kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Nur Diyana Zamani & Hasmidar Hassan (2018) dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya berkenaan *Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Prinsip Relevan Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif* yang mengkaji secara terperinci tujuan utama penggunaan bahasa pantang larang dengan menggunakan analisis Teori Relevan. Melalui konteks perbincangan, pengkaji ini mengetengahkan satu perbincangan yang jelas bahawa penghasilan bahasa pantang larang bukanlah sewenang-wenangnya, sebaliknya didasari oleh dua idea utama teori Relevans, iaitu prinsip relevans Kognitif dan Komunikatif. Dapatkan kajian mendapat bahawa bentuk bahasa pantang larang Melayu klasik merupakan bersifat menonjol ataupun nyata, maka, fungsinya untuk menasihati dan membentuk peribadi masyarakat yang mendukung nilai-nilai murni, beradab dan bertatasusila akan dapat dilaksanakan dengan mudah.

Akhir sekali, merujuk kepada kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet (2020) dari Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak berkenaan *Perwatakan dalam Novel Komsas “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevans*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji ingin menganalisis perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan Teori Relevan yang mementingkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat bagi membantu pembaca memahami citra atau perwatakan watak dalam novel tersebut. Perwatakan watak yang digarapkan dalam novel tersebut akan dianalisis secara eksplikatur dan implikatur dengan menggunakan

analisis Teori Relevan bagi memudahkan khalayak memahami kepribadian watak dalam novel karya Dayang Noor. Hasil analisis Teori relevan dapat disimpulkan perwatakan watak dalam novel digambarkan sebagai seorang yang berdikari, bertanggungjawab, tidak bertindak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan.

2.2.2 Buku

Menurut Haliza Hamat (2016) dari Universiti Putra Malaysia berkenaan *Implikatur dalam Manuskrip Megat Terawis*. Melalui konteks perbincangan, Haliza Hamat ingin mengisi lompong kajian tentang pengkajian ilmu pragmatik dalam manuskrip lama iaitu manuskrip Megat Terawis (MSS130) yang berbentuk skrip drama pentas. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti unsur ayat yang mengandungi implikatur dan seterusnya menjelaskan penggunaan implikatur yang terdapat dalam manuskrip Megat Terawis bersandarkan Teori Relevans (1995). Dapatan kajian mendapati bahawa pengarang banyak menggunakan ayat berbentuk implikatur dalam dialog bertujuan menyampaikan sindiran, kiasan dan amaran secara santun tanpa menjatuhkan maruah pendengar. Berdasarkan kajian, didapati bahawa mesej yang disampaikan dapat difahami oleh pendengar kerana ia berkisar berkenaan budaya masayarakat Melayu setempat. Keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa kos proses maklumat dalam MT adalah rendah kerana manuskrip ini merupakan skrip drama pentas yang perlu dipersembahkan dalam jangka watu yang telah ditetapkan. Maka, maklumat yang ingin disampaikan perlulah jelas dan senang difahami oleh khalayak.

2.3 PENGKAJIAN LEPAS BERKENAAN BAHASA SINDIRAN DI DALAM KARYA.

2.3.1 Tesis

Menurut Risha Hariyani Putri (2018) di dalam penyelidikannya yang bertajuk *Gaya Bahasa Sindiran dalam Novel Me Before You* karya Jojo Moyes. Kajian ini dijalankan untuk mendedahkan gaya bahasa sindiran dan teknik sindiran yang terdapat di dalam novel karya Jojo Moyes ini. Kajian ini menggunakan teori satira dan teknik satira Feinberg (1967). Berdasarkan hasil penyelidikan, Risha Hariyani Putri mendapati dua jenis satira iaitu ironi, dan sindiran sarkastik serta mengenalpasti tiga teknik sindiran dalam penyelidikan ini, seperti teknik keterlaluan, teknik pengaburan yang merendahkan, dan teknik pragmatik. Dapatkan kajian mendapati bahawa gaya bahasa sindiran yang digunakan oleh penulis adalah merupakan salah satu cara untuk mengekspresikan kritikan, kegelisahan dan gangguan dari watak-watak dalam novel itu.

Sementara, Kiki Ayu Meyra (2018) dalam kajian yang bertajuk *Gaya Bahasa Sindiran Dalam Novel 24 Jam Bersama Gaspar Sebuah Cerita Detektif Karya Sabda Armandio*. Melalui konteks perbincangan yang dijalankan, pengkaji bertujuan untuk mendeskripsikan gaya bahasa sindiran yang terdapat dalam novel 24 Jam Bersama Gaspar Karya Sabda Armandio. Penyelidikan ini menfokuskan kepada dialog dari setiap tokoh yang berupa ancaman, kata yang kasar, dan mengejek antara tokoh dengan tokoh yang lain. Teori gaya bahasa sindiran menurut Keraf (2010) telah dipilih sebagai kerangka utama kajian ini. Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat dua gaya bahasa sindiran yang sering digunakan iaitu ironi dan sarkasme. Dari dua gaya bahasa sindiran dalam novel 24 Jam Bersama Gaspar Karya Sabda Armandio, gaya bahasa sindiran sarkasme lebih dominan.

Menyingkap terhadap kajian Mohd Fatih Irfan (2019) yang bertajuk *Analisis Gaya Bahasa Sindiran Dalam Akaun Twitter Ustadz Tengku Zulkarnain*. Melalui konteks perbincangan, Fatih merungkai penggunaan gaya bahasa sindiran di akaun Twitter @ustadtadtengkuzul dalam menyuarakan pendapat beliau berkenaan situasi pemerintah. Penggunaan daksi ini, telah membantu masyarakat untuk lebih mudah memahami keadaan tampuk kepimpinan terkini. Oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti lima penggunaan gaya bahasa sindiran di akaun Twitter Tengku Zulkarnain seperti ironi, sinisme, sarkasme, satira dan sindiran. Dapatkan kajian mendapati, penggunaan gaya bahasa sindiran menjadikan pendapat yang disalurkan kelihatan baik dan menciptakan kesan kebenaran daripadanya.

2.3.2 Artikel Jurnal

Lucia Indah Dwi Wahyuni & Luluk Isani Kulup (2013) di dalam kajian yang bertajuk *Sindiran Dalam Wayang Durangpo* telah merungkai bahasa sindiran, digunakan sebagai fungsi sosial di dalam masyarakat. Pengkaji mendapati bahawa wacana Boneka Durangpo ini menfokuskan berkenaan kehidupan sosial dan perselisihan politik yang berlaku di dalam masyarakat ketika itu. Dapatkan kajian ini menerangkan hasil penyelidikan kajian melalui kata-kata yang dituturkan oleh boneka di dalam Wayang Durangpo ini mengandungi tiga jenis satira iaitu ironi, sinis dan sindiran. Makna yang terkandung di dalam wacana yang dibawakan oleh boneka di dalam Wayang Durangpo ini sarat dengan kritikan sosial dan politik yang merencam kehidupan sosial melalui sindiran-sindiran yang diselitkan.

Selain itu, Siti Norsyahida Mohd A. Rashid & Nor Azuwan Yaakob (2017) dalam kajian bertajuk *Bahasa Sindiran Dalam Ujaran Video Blog* ini telah menganalisis bahasa sindiran yang terdapat dalam ujaran Mat Luthfi. Melalui konteks perbincangan yang

dijalankan, pengkaji lebih banyak menyentuh kepada kekerapan dan jenis penggunaan bahasa sindiran dalam vlog Mat Luthfi. Penekanan kajian berdasarkan bahan kajian yang diperoleh dari pada video Youtube Mat Luthfi daripada tahun 2011 hingga tahun 2014. Kerangka teori dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan Kerangka Keraf yang menjadi tunjang dalam menganalisis ketiga-tiga jenis bahasa sindiran iaitu ironi, sarkatik dan sinisme. Dapatan kajian mendapati ujaran diksi yang dituturkan Mat Luthfi mempunyai unsur sindiran yang sarat dan mengandungi makna yang tersirat.

Sementara, Taufan Amirul Maghfir (2017) di dalam kajian yang bertajuk *Penggunaan Gaya Bahasa Ironi Dalam Dorama Hana Yori Dango Karya Yasuharri Ishii* memfokuskan kepada gaya bahasa sindiran jenis ironi sebagai salah satu tokoh ucapan yang dinyatakan dalam *Dorama Hana Yori Dango*. Melalui konteks perbincangan, Taufan Amirul telah menggunakan Teori Okamoto sebagai wacana utama dalam menganalisis gaya bahasa sindiran jenis ironi yang dituturkan oleh tokoh. Analisis gaya bahasa sindiran jenis ironi dalam kajian ini membataskan drama bersiri *Hana Yori Dango* daripada pragmatik 1 hingga pragmatik 6 sahaja. Hasil kajian ini adalah wacana ironi yang berkaitan dengan Teori Okamoto iaitu, ironi pembalikan dan ironi bukan pembalikan.

Manakala, Eka Resti Wahyuni (2017) di dalam kajian yang bertajuk *Penggunaan Gaya Bahasa Sindiran Dalam Filem Xiao Haizi Bu Ben 2* merungkai jenis-jenis dan fungsi gaya bahasa sindiran yang terkandung di dalam pragmatik. Melalui konteks perbincangan, pengkaji telah menggunakan teknik deskriptif-interpretatif dalam penelitian analisis. Sehubungan itu, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tiga bentuk gaya bahasa sindiran yang digunakan didalam filem seperti ironi, sinisme dan sarkasme. Selain itu, pengkaji turut mendapati bahawa pragmatik turut mempunyai tiga

fungsi gaya bahasa sindiran yang merangkumi fungsi mempengaruhi, fungsi menciptakan emosi seperti marah dan fungsi yang menguatkan kesan penyampaian oleh penuntur kepada khalayak agar mesej yang ingin disampaikan disalur dengan baik.

Sejajar dengan kajian Dewi Untari (2018) yang bertajuk *Gaya Bahasa Dalam Meme di Media Sosial* telah mendeskripsikan gaya bahasa sindiran dalam meme. Melalui konteks perbincangan, Dewi Untari telah menggunakan pendekatan stilistika pragmatik sebagai gagasan utama dalam menganalisis gaya bahasa sindiran di dalam meme media sosial. Kajian ini menghadkan kepada 80 meme di instagram milik dagelan_jowo sebagai skop utama kajian ini. Sehubungan itu, analisis data telah digunakan melalui kaedah Pilih Unsur Penentu. Dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa penggunaan gaya bahasa yang dominan adalah gaya bahasa sindiran satira dan tindak tutur asertif.

Tambahan pula, kajian Siti Nurul Halimah & Hilda Hilaliyah (2019) berkenaan *Gaya Bahasa Sindiran Najwa Shihab Dalam Buku Catatan Najwa* telah merungkai jenis-jenis gaya bahasa sindiran yang digunakan Najwa Shihab di dalam bukunya. Teknik analisis isi telah digunakan sebagai kerangka utama dalam menganalisis gaya bahasa sindiran di dalam buku *Catatan Najwa*. Melalui konteks perbincangan, pengkaji mengenalpasti bahawa Najwa Shihab tidak memilih penggunaan gaya bahasa sindiran jenis melosis dan antifrasis, namun lebih memilih menggunakan gaya bahasa sindiran berjenis sinisme dalam buku *Catatan Najwa* sebagai dominan utama. Walaubagaimanapun, pengkaji turut mendapati bahawa gaya bahasa sindiran seperti ironi, innuendo, sarkasme dan satire turut digunakan di dalam buku *Catatan Najwa* karya Najwa Shihab ini.

Akhir sekali, Rahmat Selisih Mara (2019) dalam kajian yang bertajuk *Analisis Gaya Bahasa Sindiran Dalam Syair Didong Jalu Arita Mude Dan Biak Cacak* telah mengkaji berkenaan gaya bahasa sindiran yang terkandung di dalam syair ini. Ruang lingkup penelitian ini adalah menentukan bagaimana gaya bahasa sindiran yang terdapat dalam syair *didong* jalu Arita Mude dan Biak Cacak serta menemukan gaya bahasa sindiran yang dominan didalam syair *didong* jalu Arita Mude dan Baiak Cacak. Hasil penelitian menunjukkan bahawa syair ini merupakan kritikan terhadap latar belakang sosial dan cara bermasyarakat. Sehubungan itu, terdapat beberapa jenis gaya bahasa sindiran yang telah dikenalpasti seperti ironi, sinisme, sarkasme, dan satire. Gaya bahasa sindiran yang dominan adalah sarkasme dengan kemunculan sebanyak 14 kali di dalam syair.



2.4 KESIMPULAN.

Peribahasa merupakan hasil pemikiran akal budi masyarakat Melayu yang sarat dengan mesej yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, pengkajian berkenaan peribahasa ini ternyata telah banyak dilakukan dari sudut pemikiran pengarang karya sastera. Hal ini memperlihatkan pemikiran pengarang Melayu yang kreatif dalam menghasilkan karya yang merangkumi idea, pandangan, nasihat, perasaan dan pengajaran dengan falsafah yang tinggi.

Penggunaan bahasa peribahasa yang ringkas tetapi di dalamnya terkandung maksudnya yang tersendiri mampu membentuk akal budi masyarakat Melayu dalam kehidupan. Pemikiran yang diterjemahkan dalam peribahasa juga dilihat sesuai untuk diaplikasikan kedalam kehidupan sahsiah masyarakat Melayu. Penggunaan bahasa dan perkataan yang memperlihatkan gambaran kehidupan masyarakat dengan pengaplikasian Teori Relevans dalam menterjemah mesej yang terkandung disebalik pemakaian bahasa sindiran yang terdapat di dalam peribahasa. Hal ini akan dapat disaksikan pada bab 3 yang akan menghuraikan metodologi kajian yang meliputi aspek rekabentuk kajian, kaedah, teori dan pendekatan untuk memurnikan analisis kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Menurut *Kamus Dewan* (2007:1230) metodologi bermaksud ilmu tentang metode atau sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan. Perkataan metode pula memberi maksud cara melakukan sesuatu atau sistem. Manakala kajian pula bererti kegiatan iaitu usaha dan proses mengkaji tentang sesuatu isu berdasarkan data dan maklumat secara terperinci yang dikumpulkan dalam suatu jangka masa tertentu. Secara keseluruhannya metodologi merupakan satu kaedah atau cara yang dapat mengawal maklumat yang diperolehi bagi sesebuah penyelidikan.

Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Menurut Hamidah (2007) menyatakan metodologi sebagai suatu prosedur yang sistematik dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kajian, subjek atau sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, prosedur pengambilan data serta prosedur penganalisisan data.

3.1 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Merujuk kepada cara penyelidik dalam mengendalikan kajian serta prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai panduan untuk menyelesaikan kepada permasalahan ini. Kajian kualitatif merujuk kepada kaedah kepustakaan, teks, internet, dan teori. Kaedah ini digunakan didalam sebuah kajian untuk memastikan penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan berkesan.

3.1.1.1 Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci mengenai elemen sindiran yang terdapat di dalam teks peribahasa yang terkandung di dalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail. Oleh itu, pengkaji ingin memfokuskan kepada pemikiran sindiran halus dan lembut yang terdapat di dalam peribahasa mengikut penganalisaan teks *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail. Analisis terhadap teks-teks peribahasa ini bertujuan untuk menyenaraikan pemikiran penuntur sebagai medium teguran orang Melayu dalam koleksi peribahasa ini terhadap masyarakat setempat pada masa dahulu. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman tradisional pandai dalam menasihati dan menegur dengan menggunakan bahasa-bahasa yang baik dari perkataannya atau bahasa kiasan sehingga melahirkan moral insan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

3.1.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu kaedah bagi mengumpul segala data dan maklumat berkaitan topik kajian. Bagi kaedah ini, data diperolehi daripada teks *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail. Selain itu, data turut diperolehi melalui bahan-bahan kepustakaan seperti buku, majalah, jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian misalnya dari aspek bahasa sindiran serta pendekatan Teori Relevans di dalam karya sastera. Di samping itu, data turut diperolehi melalui laman sesawang dengan akses internet.

3.1.1.3 Kaedah Kepustakaan

Metode yang digunakan adalah melalui kaedah kepustakaan, dimana pengkaji telah mendapatkan maklumat berkenaan tajuk sindiran halus didalam peribahasa daripada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan berhubung dengan pustakawan. Dalam kaedah, kaedah rujukan melalui jurnal, tesis , artikel dan sebagainya yang berkaitan dengan pengkajian berkenaan peribahasa, pemakaian gaya bahasa sindiran dan teori relevans.

3.1.1.4 Kaedah Internet

Pengkaji juga menggunakan kaedah internet bagi mengenal pasti bahan-bahan kajian. Pengkaji telah menggunakan medium laman Web untuk mengakses kajian lepas yang telah dilakukan serta dijalankan di bawah skop pemikiran peribahasa, pemakaian bahasa sindira serta pendekatan teori relevans sebagai analisis utama. Pengaksesan internet telah dijalankan melalui laman sesawang Universiti Malaysia Kelantan (*my Athens*) dan Google Scholar.

3.1.2 PENERAPAN TEORI DAN PENDEKATAN.

Teori merupakan dasar yang menjadi asas kepada pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Teori juga merupakan fakta yang dibenarkan kebenarannya menurut peraturan ilmiah. Menurut Kerlinger (Ahmad Mahdzan, 1983:11) mentakrifkan teori sebagai himpunan konsep, definisi dan saranan yang saling berkait, yang memberi gambaran teratur tentang sesuatu fenomena dengan menyatakan hubungan antara perkara-perkara untuk menerangkan dan meramalkan fenomena itu. Teori yang digunakan dalam kajian mengkaji sindiran halus dalam Peribahasa Melayu ialah Teori Relevans. Teori ini dipelopori oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Menurut Sperber dan Wilson (1986), pragmatik memainkan peranan dalam komunikasi lisan seperti peribahasa. Teori Relevans menjalankan proses penginterpretasian maklumat, kognisi manusia yang sentiasa kearah untuk memperoleh dan mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin. Kesan kognitif yang penting yang dicapai melalui pemprosesan input dalam konteks iaitu satu kesimpulan yang dibuat berdasarkan gabungan antara input dan konteks.

Terdapat tiga gagasan utama yang ditekankan oleh Teori Relevans dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses. Tiga gagasan ini dibantu oleh proses penggabungan, penguatan dan pengguguran. Terdapat dua prinsip yang telah digagaskan oleh Dperber dan Wilson pada tahun 1986 iaitu Prinsip Relevans (Kognitif) dan Prinsip Relevans (Komunikatif). Prinsip Relevans Kognitif merupakan kecenderungan kognitif yang sejagat untuk memaksimumkan relevan. Hal ini adalah untuk menjadikan prinsip relevan ini memanipulasi keadaan pemikiran penutur. Manakala prinsip Relevans Komunikatif merupakan kunci pada Teori Relevans Pragmatik. Setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan satu andaian relevan

yang optimum. Teori Relevans digunakan untuk mendapat memahami makna penutur dengan jelas.

3.1.2.1 Prinsip – Prinsip Teori Relevans.

Terdapat dua prinsip yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1986) dalam teori Relevans, iaitu prinsip Relevans kognitif dan prinsip Relevans komunikatif.

i. Prinsip Relevans Kognitif

Menurut Sperber & Wilson (1995:260), “*Human cognition tends to be geared to the maximisation of relevance. It is against this cognitive background that inferential communication takes place*”. Jelas Hasmidar Hassan (2014:264), kognisi manusia itu sendiri yang dikatakan cenderung untuk memaksimumkan relevans membuatkan penutur akan bertindak menghasilkan ransangan (input) yang dapat menarik perhatian pendengar. Hal ini demikian kerana pendengar lebih cenderung untuk memilih ransangan yang paling relevan dalam persekitarannya serta akan memproses input-input tersebut bagi mencapai Relevans yang paling maksimum. Di samping itu, ia membantu pendengar menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan.

ii. Prinsip Relevans Komunikatif

Menurut Sperber & Wilson (1995:260), “*every act of ostensive communication communicates a presumption of its own optimal relevance*”. Prinsip relevans komunikatif berdasarkan hubungannya dengan komunikasi. Setiap tingkah laku komunikasi yang jelas dan nyata atau dalam erti kata lain iaitu Relevans yang optimum dicirikan oleh ransangan ostensif yang paling relevans. Penutur perlu menjadikan ransangan ostensif tersebut semudah yang mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang ingin dicapai, tetapi juga

sebagai kesan kognitif dan seterusnya perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Apabila penutur menghasilkan rangsangan ostensif yang paling relevans, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Hasmidar Hassan, 2014: 265).

3.2 Kesimpulan.

Penyediaan awal yang teratur seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3 ini membantu pengkaji mendapat satu hasil kajian yang jitu yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Pada bab ini, pengkaji akan mengupas dengan lebih terperinci berkenaan pemikiran sindiran halus yang terdapat di dalam buku peribahasa *100 Pepatah Petith* karya Siti Zainon Ismail. Sebagaimana umum sedia maklum, peribahasa dipraktikkan sebagai suatu wasilah yang diamalkan sebagai sebuah kunci interaksi semenjak dua alaf lalu di Kepulauan Melayu. Lazimnya, peribahasa ini wujud dengan pemakaian bahasa yang tinggi serta mementingkan aspek kesantunan bahasa. Kesantunan bahasa begitu sinonim dengan masyarakat Melayu sehingga membentuk sebuah warisan yang penting dalam pembentukan keperibadian bangsa hingga kini. Ini bertepatan dengan pendapat Awang Sariyan (2007) yang menyatakan bahawa salah satu bentuk bahasa yang mengungkapkan kesantunan berbahasa ialah peribahasa yang merupakan induk di dalam puisi Melayu tradisional. Sebagaimana Firman Allah Swt di dalam Kitabullah, yang mengibaratkan kiasan sebagai wasilah dalam mendidik manusia.

Dan perbandingan-perbandingan yang demikian itu, Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang berilmu sahaja yang dapat memahaminya. (Al-Ankabut: 43).

Menurut Ahmad Mustafa Al-Maraghy (2001), bahawa Allah SWT menggambarkan sesuatu situasi yang samar, Allah SWT menggunakan bahasa

perumpamaan dalam bahasa Arab amsalnya, tumbuh-tumbuhan atau haiwan, supaya mempermudahkan pemahaman serta memberi kesan ke dalam hati seseorang hamba. Sehubungan itu, jati diri bangsa terpancar daripada pemikiran berkenaan hubungan manusia dengan agama serta menyentuh konsep kewujudan sesuatu benda dan fenomena alam dalam puisi Melayu tradisional. Pemikiran ini lebih terarah kepada kehidupan masyarakat Islam yang memancarkan isu-isu kehidupan yang berasaskan ajaran agama Islam. Hal ini merangkumi konsep amar makruf nahi mungkar yang berkaitan akidah umat Islam yang menggalakkan amal kebaikan dan menjauhi segala larangan.

Justeru, peribahasa merupakan suatu prakarsa teguran yang lahir daripada pemikiran bangsa yang menekankan aspek etika dan moral dalam kehidupan. Sekaligus membentuk sahsiah masyarakat khususnya dalam kalangan remaja kini. Apabila nilai moral dan sosial tidak dilerakan dengan kunci pemaknaan yang betul, maka ia akan mempengaruhi sahsiah dan tingkah laku masyarakat khususnya kejatuhan moral anak muda kian meruncing. Seyogianya, makna perkataan tidak boleh dibiarkan meliar, tetapi ia perlu dipasak dengan kemas pada tunjang yang kekal menetap atas pundak wibawa. Kegagalan pentaksiran yang tepat berkenaan mesej dan teguran yang terkandung di dalam tradisi klasik sastera akan memberatkan proses pembinaan modal insan dalam diri remaja.

Oleh itu, sudah menjadi obligasi mesej-mesej pendidikan disulam erat kedalam puisi Melayu tradisional amsalnya puisi peribahasa. Dimana, mereka yang melakukan kesilapan boleh terus dinasihati, ditegur dan disindir. Menurut Nor Hashimah (2003) mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan bahasa figuratif ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Hal ini kerana,

kesan emosi terhadap seseorang yang ditegur dapat dikurangkan dengan penggunaan diksi yang bersifat konotatif didalam sebuah puisi Melayu tradisional.

Sejajar dengan itu, dapatan kajian ini akan menumpukan kepada jenis gaya bahasa sindiran yang digunakan didalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail serta pemikiran yang merangkumi aspek metafizik, epistemologi, etika dan moral, logik serta aspek estetika. Aspek pemikiran yang terbentuk di dalam sindiran halus merupakan cerminan akal budi serta jati diri bangsa Melayu. Oleh itu, pemikiran ini dikaji secara kritis menggunakan gugusan ideologi Teori Relevan yang merangkumi aspek pendekatan kognitif serta pendekatan komunikatif.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.1 GAYA BAHASA SINDIRAN YANG TERDAPAT DI DALAM PERIBAHASA.

Bahasa sindiran dikenali sebagai bahasa yang mempunyai ragam kerana bahasa sindiran digunakan seseorang mengikut konteks situasi yang sesuai. Sejajar dengan pandangan Zainal Abidin Ahmad (1965) yang menyatakan bahawa bahasa sindiran sebagai ujaran yang ditujukan kepada seseorang secara berkias dan tidak tepat, iaitu mempunyai makna yang bertentangan daripada ujaran tersebut. Oleh itu, dapat dikenalpasti beberapa unsur sindiran di dalam peribahasa seperti unsur ironi, unsur sinisme dan unsur sarkasme yang terkandung di dalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* oleh Siti Zainon Ismail.

Penikmatan gaya bahasa jenis sindiran menjadi tuntutan utama masyarakat Melayu tradisional dalam membentuk dan menegur masyarakat yang sarat dengan pemaknaan yang literal. Sejajar dengan pendapat Ratna (2009) yang mendefinisikan bahawa ironi merupakan gaya bahasa yang berupa sindiran halus. Selain itu, Ratna (2009) turut menghuraikan pemaknaan sinisme yang menggunakan kata-kata yang agak kasar berbanding sindiran jenis ironi. Gaya bahasa sindiran jenis sarkasme menggunakan ungkapan yang lebih keras dan lebih kepada celaan yang bertujuan untuk memarahi seseorang. Tuntasnya, menurut Keraf (2007) mengutarakan pemaknaan sindiran jenis sarkasme yang mengandungi kepahitan dan celaan yang kasar dan keras.

4.1.1 Gaya Bahasa Sindiran Ironi.

Bahasa sindiran jenis ironi ialah bahasa sindiran yang diungkapkan oleh seseorang secara halus. Walau bagaimanapun makna di sebalik ujaran itu mempunyai makna yang tajam. Bunyi penyebutan dan cara ungkapan disampaikan secara lembut, tetapi orang yang ditujukan bahasa sindiran jenis ironi akan terkesan dan nada sindirannya bersifat tajam. Bahasa sindiran jenis ini lazimnya bertentangan dengan

maksud sebenar yang ingin disampaikan. Bertepatan dengan kenyataan Kerangka Keraf (2007) yang mendefinisikan bahawa ironi merupakan suatu acuan yang mempunyai makna yang berlainan dari perkara yang terkandung dalam rangkaian kata-kata.

Oleh itu, jelas bahawa ironi merupakan gaya bahasa yang merujuk kepada sesuatu secara bertentangan atau mengejek. Justeru itu, pemilihan data yang menfokuskan kepada haiwan bagi menggantikan manusia telah diambil kerana menepati aspek bahasa sindiran jenis ironi. Dengan kata lain, ada maksud lain yang ingin diutarakan oleh seseorang yang menyampaikan. Jadual 1 adalah bahasa sindiran jenis ironi yang di dapati di dalam buku *100 Pepatah Petitih Melayu* karya Siti Zainon Ismail seperti berikut:

Data	Peribahasa	Makna
P1	Malu-malu kucing	Berpura-pura.
P2	Menunggu kucing bertanduk	Kerja sia-sia tidak mungkin terjadi.
P3	Kucing menunggu ikan panggang	Menunggu peluang.

Jadual 1. Bahasa sindiran jenis ironi di dalam *100 Pepatah Petitih Melayu*

Berdasarkan ketiga-tiga data peribahasa di atas, menunjukkan pola pemikiran masyarakat terdahulu menjadikan kucing sebagai objek utama dalam kiasan bagi menyindir masyarakat secara halus. Sejajar dengan pendapat JWH Wee Sew (2009) bahawa dari sudut budaya bahasa, tabiat buruk kucing telah diterapkan dengan jelas ke dalam peribahasa. Menurut Raminah (2003) sifat kucing yang berpura-pura baik menjadi ilham kepada orang Melayu dalam mencipta peribahasa. Contohnya, dapat dilihat pada P1 iaitu *Malu-malu kucing* yang merujuk kepada seseorang yang berpura-

pura malu tetapi mahu. Di sebalik sifat malu kucing menjadi perlambangan terhadap sifat masyarakat yang nampak baik tetapi tidak boleh dipercayai. Masyarakat terdahulu menyindir secara halus kepada kelompok masyarakat yang kelihatan sopan dan pendiam tetapi secara senyap mengintai setiap peluang bagi memenuhi segala hajat.

Selain itu perbuatan sia-sia dilambangkan melalui seekor kucing di dalam data P2 Sedia maklum, kucing merupakan sejenis haiwan yang jinak dan sangat manja. Melalui P2 dapat dilihat sifat semula kucing itu tidak mempunyai tanduk seperti kambing mahupun kerbau. Kebiasaannya tanduk digunakan sebagai objek mempertahankan diri daripada serangan musuh. Oleh itu, menantikan kucing tumbuh tanduk di kepala adalah sesuatu perkara yang mustahil dan tidak akan pernah berlaku atas faktor genetik. Dimana ianya merupakan sindiran jenis ironi bagi menempelak masyarakat yang sering percaya kepada sesuatu perbuatan yang mustahil atau tidak mungkin akan berlaku.

Hal ini kerana sindiran ironi memancarkan ungkapan yang bersifat halus, iaitu tidak menggunakan perkataan yang terlalu kasar dan tidak juga terlalu sinis. Seterusnya, melihat kepada data P3 yang merujuk kepada kelemahan seekor kucing berkait dengan makanan yang disukainya seperti ikan dan tikus. Begitu juga dengan sifat manusia yang mudah terpedaya dengan godaan terutamanya berkait dengan wanita. Penggunaan perkataan “menunggu ikan panggang” merujuk kepada makanan yang disukai oleh seekor kucing sehingga merubah laku daripada seekor haiwan yang baik dan manja kepada sebaliknya. Peribahasa ini memberi gambaran berkenaan kelakuan seseorang individu yang jahat peribadinya memperlakukan dirinya seperti orang yang baik sementara belum bertemu dengan kegemarannya iaitu apa yang diidamkannya. Namun menurut Siti Zainon Ismail (2010) peribahasa ini lebih kepada

hubungan lelaki dan perempuan muda yang masih perawan, dan para lelaki sering mengintai dan bersaing untuk mendapat cinta perawan jelita yang menggiurkan. Oleh itu penggunaan istilah haiwan seperti kucing dijadikan paksi sebagai sindiran halus dalam merencam masyarakat.

Ujaran ironi yang digunakan penutur mengandungi makna yang implisit dan diujarkan secara eksplisit, iaitu memerlukan proses penginterpretasian makna secara bijak dilakukan oleh pendengar. Ironi tergolong daripada bahasa sindiran yang mengandungi makna yang tersirat (Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Hal ini kerana masyarakat Melayu menggunakan ungkapan ironi dalam pertuturan bertujuan untuk mengelakkan pergaduhan berlaku. Percakapan secara berterus-terang dalam pertuturan dikatakan boleh menyinggung perasaan orang lain.

4.1.2 Gaya Bahasa Sindiran Sinisme.

Istilah sinisme merujuk kepada sebuah kesangsian dalam sindiran yang berbentuk ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati, Keraf (2010:143). Sementara itu menurut Ade Nurdin, Yani Maryani, dan Mumu (2002:27), sinisme merupakan gaya bahasa sindiran yang menggunakan ungkapan yang lebih kasar daripada gaya bahasa ironi. Dimana, gaya bahasa ini bersifat berani terhadap kesalahan orang lain dalam unsur menyindir dan mengejeknya.

Penggunaan gaya bahasa sinisme turut dikatakan seperti menjelaskan kepercayaan dan keikhlasan seseorang terhadap interaksi tingkah laku serta motif kelakuan. Ia merujuk kepada hasil pemerhatian terhadap tingkah laku manusia yang mementingkan diri dan sekaligus mengkritik bagi mengambarkan kecurigaan. Jadual 2 adalah bahasa sindiran jenis sinisme yang di dapati di dalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail seperti berikut:

Data	Peribahasa	Makna
P4	Cacing mimpi hendak menjadi raja naga.	Berangan untuk kaya dan berkuasa
P5	Merak di Rimba	Sombong bergaya.
P6	Tangkai jering.	Kedekut

Jadual 2. Bahasa sindiran jenis sinisme di dalam *100 Pepatah Petith Melayu*.

Peribahasa di atas merupakan sebahagian gaya bahasa jenis sinisme kerana terdapat pemaknaan yang tersirat, bertujuan menyedarkan pendengar akan perbuatan dan perlakuan yang tidak sepatutnya dilakukan dan dianggap tidak baik. Menurut Keris Mas (1988), Sinisme merupakan ungkapan mencemuh atau menyindir seseorang secara halus dan tajam. Berdasarkan konteks perbincangan, pemaknaan di sebalik

ujaran peribahasa P4 menfokuskan sindiran penutur kepada masyarakat marhaen yang mempunyai anganan tinggi untuk menjadi berkuasa dan perkasa, sedangkan ia perkara yang sukar untuk dilakukan. Menurut Tim Reality (2008:157), cacing merupakan binatang melata yang bertubuh kecil yang hidup dalam tanah, air, dan sebagainya. Penggunaan leksikal *cacing* direpresentasikan kepada seseorang yang miskin yang ingin meniru perilaku orang kaya. Sedangkan *cacing* merupakan haiwan yang lebih kecil dibandingkan dengan Raja Naga dari segala aspek amsalnya, saiz, taraf kedudukan serta dari aspek nilai.

Selain itu, sindiran sinisme turut dapat dilihat daripada ujaran peribahasa di dalam data P5 yang menyindir kelompok masyarakat yang terlampau mengagungkan diri sendiri sehingga bersifat sompong dan bongkak. Penggunaan Merak di Rimba secara lahiriah menggambarkan kebanggaan akan kecantikan diri seekor Merak apabila berada di hutan. Penutur menekankan sindiran kepada mereka yang merasa dirinya cantik bergaya seakan sekeliling tidak berharga dan hodoh belaka, sehingga lupa diri.

Sinisme bukan sekadar menegur secara kasar sahaja, namun inti kepada teguran itu yang membentuk sahsiah masyarakat agar lebih membaik. Begitu juga dengan teguran yang terdapat di dalam data P6 yang menyindir masyarakat yang kedekut atau tidak suka berkongsi sama ada dalam bentuk ilmu pengetahuan dan sebagainya. Penggunaan jering sebagai perumpaan kepada tabiat atau sifat seseorang yang kedekut merupakan cerminan akal budi bangsa Melayu yang bijak menyulam teguran kedalam seni bahasa. Jering sinonim dengan sifatnya yang sukar untuk dilerakan daripada tangkainya kerana faktor keliatan. Ianya adalah untuk melindungi buah jering daripada diambil dan dimusnahkan oleh binatang atau manusia. Sifat tangkai jering yang liat itu menjadi amsalan kepada sifat kedekut. Sifat kedekut atau bakhil amat

'keji' dan tersenarai antara sifat-sifat mazmummah atau dikenali sebagai amalan buruk yang perlu dihindarkan daripada bangsa Melayu.

Berdasarkan penelitian, gaya bahasa sindiran jenis sinisme mengandungi keraguan penutur terhadap perkara yang dilontarkan. Sehubungan itu, ujaran yang terdapat dalam peribahasa menjadi wasilah pembentukan peribadi bangsa Melayu dengan menggunakan diksi yang bersifat ejekan dan sindiran berkenaan sesuatu perilaku atau kata-kata seseorang. Hal ini demikian kerana, masyarakat terdahulu sangat berjaga-jaga dalam pertuturan dan menggunakan bahasa yang sangat halus dalam membuat teguran atau amaran. Dimana, masyarakat Melayu tidak gemar menimbulkan persekitaran suasana yang tegang disebabkan malu yang tinggi. Penjagaan maruah dan air muka sesama insan begitu dijaga agar tidak menimbulkan sebarang pergeseran dan pergaduhan sesama masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.3 Gaya Bahasa Sindiran Sarkasme.

Menyingkap terhadap pemaknaan gaya bahasa sindiran jenis sarkasme yang merujuk kepada acuan yang mengadungi kepahitan dan celaan yang getir, Keraf (2010:143-144). Istilah sarkasme diambil daripada perkataan Yunani sarkasmos, dan berasal daripada kata dasar sakasein. Sehubungan itu, sarkasme merupakan sebuah gaya bahasa yang menggunakan ujaran yang kurang enak didengari. Sejajar dengan pendapat Kasnadi dan Sutejo (2010:51) bahawa sarkasme merupakan gaya bahasa sindiran yang paling kasar dengan mengaplikasikan kata-kata yang tidak sopan.

Selain itu, penggunaan gaya bahasa sindiran jenis sarkastik merupakan ungkapan yang lebih berbentuk cemuh dan celaan. Dimana, ianya bersifat keras dan kasar serta mampu menyakitkan hati individu yang mendengarnya. Gaya bahasa sarkasme hampir serupa dengan gaya bahasa ironi namun lebih kasar. Penggunaan sarkastik yang kasar sering dituturkan sewaktu emosi penuntur dalam keadaan tidak stabil atau dalam keadaan marah akibat sesuatu perkara yang tidak digemari. Walaupun ujaran ini lebih bersifat kasar dan keras, namun ini hanya saluran untuk menegur dengan pengaplikasian bahasa sindiran dalam menyedarkan masyarakat. Jadual 3 adalah bahasa sindiran jenis sarkasme yang di dapati di dalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail seperti berikut:

Data	Peribahasa	Makna
P7	Bagai menyepak landak.	Sengaja membuat masalah.
P8	Menunggu nasi terhidang di kepala lutut.	Sikap manja atau malas.
P9	Buaya darat	Lelaki penggoda.

Jadual 3. Bahasa sindiran jenis sarkasme di dalam *100 Pepatah Petith Melayu*.

Dalam peribahasa di atas, dapat dilihat penggunaan gaya bahasa sindiran jenis sarkastik, iaitu kata “menyepak”, “kepala lutut” dan “penggoda”. Menurut Leggit dan Gibbs (2000), kebiasaan pertuturan sindiran sarkasme mempengaruhi sudut emosi pendengar dengan pemilihan diksi yang keras digunakan. Hal ini kerana, pemilihan bahasa sebegitu jelas menunjukkan ketidakpuasan hati penuntur dengan etika dan kelakuan pendengar. Sebagaimana dapat dilihat dalam data P7 yang menunjukkan sindiran penuntur yang tidak bersetuju dengan kelakuan individu yang sengaja mencari kesusahan dengan mengganggu ketenteraman, yang akhirnya menjebak diri dengan kesombongan diri. Istilah menyepak merupakan kata terbitan daripada kata akar sepak yang merupakan perlakuan menendang sesuatu. Secara amnya, landak mempunyai bulu keras yang tajam meliputi bahagian atas badannya yang berfungsi sebagai alat pertahanan serta berlindung daripada pemangsa. Seandainya manusia menyepak atau menendang landak akan mengakibatkan kecederaan dan kesakitan. Oleh itu, peribahasa ini menegur masyarakat yang sengaja mencari penyakit, sedangkan ianya tidak perlu dibuat kerana bukan sahaja menyusahkan diri namun turut membebankan orang sekeliling.

Seterusnya, penggunaan ujaran sindiran sarkasme terpancar dalam data P8 yang menggunakan bahasa keras iaitu “kepala lutut”. Kepala lutut atau lebih dikenali sebagai tempurung lutut yang menghubungkan diantara betis dan peha. Pada zaman dahulu masyarakat Melayu bersantap secara bersila kerana tidak mempunyai meja dan kerusi makan. Oleh itu, masyarakat terdahulu menggambarkan sifat manja dan malas berusaha melalui data P8. Menurut Siti Zainon Ismail (2010) bahawa peribahasa ini merupakan teguran penuntur secara kasar kepada masyarakat yang suka menikmati kesenangan daripada hasil kerja orang lain. Sejajar itu, bertepatan

dengan pendapat Grice (1975) yang mengatakan bahawa penutur menyampaikan sesuatu ujaran yang mencapai objektifnya apabila pendengar dapat memahami ujarannya. Penggunaan peribahasa sarkasme dilontarkan dengan kata-kata yang penuh emosi namun masih ditabirkan dengan simpulan yang santun.

Selain itu, menurut Cartsburg (2010) sarkasme adalah layar dalam menyampaikan sesuatu wasilah yang boleh disifatkan sebagai jenaka. Penggunaan leksikal “buaya” dalam data P9 merujuk kepada lelaki penggoda. Secara amnya, buaya dikenali sebagai haiwan yang tidak akan pernah beri peluang kepada mangsa yang melintas di tempatnya, begitu juga dengan ibarat yang digunakan kepada kaum lelaki yang cepat tergoda dengan setiap wanita yang dilihatnya. Penuntur menggunakan peribahasa ini sebagai sindiran sarkasme agar kaum lelaki yang bersifat hidung belang terasa dengan sindiran tersebut. Wahab (1995: 42) menyebutkan penggunaan bahasa pragmatik adalah ungkapan kebahasaan yang maksudnya tidak dapat dijangkau secara langsung dari lambang yang digunakan karena makna yang dimaksudkan terdapat pada prediksi ungkapan kebahasaan itu.

Sebagai rumusannya, sindiran sarkasme kebiasaannya dituturkan tanpa kawalan emosi yang baik. Oleh itu, gaya bahasa sindiran jenis sarkasme adalah salah satu teguran yang terus dan padat kerana penggunaan bahasa yang terus sampai kepada pendengarnya. Hal ini kerana, ketiga-tiga data peribahasa mengandungi sifat celaan yang getir selaras dengan sindiran sarkasme. Sejajar dengan pendapat Tarigan (1990) yang mengatakan bahawa sindiran sarkasme yang berunsur penipuan, bahasa yang pedas serta kandungan yang pahit dan tidak sedap didengar.

4.1.4 Gaya Bahasa Sindiran Satira.

Gaya bahasa sindiran jenis satira merupakan ungkapan atau pertuturan yang menjadi saluran untuk menolak atau mentertawakan sesuatu sebagai maksud utama, Keraf (2004: 144). Hal ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Nurdin, dkk. (2002:28) yang mengatakan bahawa gaya bahasa ini merupakan alternatif kepada penolakan serta sarat dengan kritikan yang bertujuan agar sesuatu kesalahan dicari kebenaran disebaliknya. Dimana, menggunakan puisi Melayu tradisional sebagai seni yang menggabungkan di antara kritik dan humor yang memberi pemaknaan di celah celah persoalan isu semasa atau sebarang masalah yang tidak menyenangkan. Hal ini kerana, gaya bahasa sindiran jenis satira menjadi wasilah kepada pendengar dalam mencari kebenaran kepada pertuturan penuntur, sekaligus mengilhamkan cetusan inspirasi untuk mencari perubahan yang mampu menjawab segala persoalan yang ditimbulkan didalamnya.

Masyarakat Melayu telah mengaplikasi pertuturan peribahasa yang kaya dengan sindiran jenis satira sebagai suatu obligasi dalam menyampaikan mesej berkenaan sesuatu isu atau perkara yang tidak menyenangkan. Bahkan, gaya bahasa ini terbukti berjaya mempengaruhi minda masyarakat sehingga mampu melakukan perubahan yang terpancar dalam jati diri bangsa Melayu. Kebiasaannya, sindiran satira dianggap lucu atau sekadar gurauan yang sarat dengan anyaman teguran halus oleh penuntur. Hal ini dapat dilihat di dalam buku peribahasa *100 Pepatah Petith* karya Siti Zainon Ismail seperti berikut:

Data	Peribahasa	Makna
P10	Air yang disangka tenang jangan disangka tiada buaya	Hal yang tidak terduga.

P11 Gajah di depan mata tak Nampak, kuman di seberang laut kelihatan. Melihat dan mengata kesilapan orang.

P12 Tidak tahu menari dikatakan tanah tinggi rendah. Suka menyalahkan orang lain.

Jadual 4. Bahasa sindiran jenis satira di dalam *100 Pepatah Petith Melayu*.

Berdasarkan peribahasa diatas, jelas menunjukkan gaya bahasa jenis satira digunakan sebagai layar dalam menyampaikan suatu perutusan atau saranan sehingga fungsinya dapat menimbulkan kesan kepuitisan dan ketajaman mesej yang hendak disampaikan penunturnya. Melalui konteks perbincangan data P10, dapat dilihat penggunaan leksikal “air” yang merujuk kepada sikap dan perlakuan yang lembut dan tenang atau lebih menfokuskan kepada individu yang bersifat pendiam. Dimana, ketenangan itu disifatkan sebagai suatu situasi atau keadaan yang sunyi serta tiada pergolakan.

Oleh itu, masyarakat Melayu menggunakan ungkapan peribahasa ini sebagai tanda peringatan kepada masyarakat dalam keadaan sindiran yang bersifat lucu agar sentiasa berhati-hati dengan mereka yang pendiam kerana mereka bukan orang yang pengecut. Hal ini sejajar dengan pertalian gunaan kata “Air tenang” dengan simbolisme “buaya”. Namun demikian, ia bukan hanya tertumpu hanya kepada makna seseorang pendiam bukan orang yang pengecut, tetapi ia juga membawa erti sinonim dengan peribahasa “Diam-diam ubi berisi”. Dimana lazimnya, seseorang yang bersifat pendiam, kaya dengan ilmu yang sarat atau lebih dikenali sebagai seorang yang bijak. Sehubungan itu, jelas menunjukkan bahawa sindiran jenis satira tidak hanya terbatas kepada kata-kata atau ungkapan semata, namun

ianya lebih bersifat bercerita yang dianyam dengan nilai estetik dan nilai moral yang tinggi.

Seterusnya, peribahasa jenis satira juga digunakan sebagai tindakan penuntur untuk menempelak masyarakat yang sering melihat kesalahan orang lain tanpa melihat kesalahan atau aib diri sendiri. Sejajar dengan peribahasa yang terkandung dalam data P11 yang menfokuskan kepada individu yang mempunyai kesilapan besar di sekitar diri dan tidak dipedulikan, namun hanya melihat kepada perlakuan buruk orang lain dengan mengutuk dan mengejinya. Melalui konteks perbincangan, masyarakat Melayu menggunakan kiasan serta sindiran berbentuk satira ini dalam gambaran perbandingan yang nyata. Tamsilnya, simbolisme gajah merujuk kepada haiwan yang mempunyai saiz yang lebih besar di daratan serta kehadiran mereka sudah pasti lebih dirasai oleh manusia, berbanding dengan entiti dan saiz kuman yang tidak mampu dilihat dengan mata kasar. Akal budi bangsa Melayu yang cakna dengan isu ini telah menggunakan peribahasa sebagai medium untuk menegur dan memerli masyarakat yang gemar mengetengahkan kesalahan kecil daripada kesalahan besar yang dilakukan di depan mata.

Rentetan itu, peribahasa yang terdapat di dalam data P12 turut menggambarkan kritikan penuntur kepada masyarakat yang tidak dapat melakukan sesuatu dan tidak juga mahu mengaku akan kekurangan diri sendiri. Sikap sompong ini telah memanggil penuntur untuk mengungkapkan peribahasa ini sebagai jenaka yang berbentuk sinis kepada pelaku sebagai inisiatif penyedaran kepadanya. Sikap ini sering kali kedengaran dari mulut masyarakat Melayu yang terlalu menunding jari dari sebarang masalah. Dimana menjadi cerminan budaya yang telah sebatik dalam kehidupan bangsa Melayu. Hal ini demikian kerana menyalahkan orang merupakan

jalan mudah dalam membayangi kekurangan serta kesilapan diri. Oleh itu, cetusan pemikiran peribahasa Melayu sebagai wasilah utama menempelak kelakuan masyarakat untuk memperbetulkan suatu kebiasaan dan membiasakan sesuatu perkara yang benar.

Tuntasnya, sindiran satira merupakan prakarsa dalam menegur masyarakat yang melakukan sesuatu yang tidak enak dilihat sebelum ianya menjadi darah daging masyarakat Melayu. Secara amnya, gaya bahasa ini merupakan suatu medium pengucapan yang membentuk moral berpaksikan kepada matlamat untuk melahirkan bangsa yang syumul dari sudut pemikiran dan kesantunan. Secara analoginya boleh dikatakan bahawa satira diibaratkan sebagai cerminan pencitraan masyarakat Melayu klasik.

4.2 IMPAK SINDIRAN HALUS DALAM PEMIKIRAN PERIBAHASA DENGAN PENGAPLIKASIAN TEORI RELEVANS.

4.2.1 Pemikiran Tentang Kewujudan (Metafizik) Melalui Aspek Kognitif.

Merujuk *Kamus Dewan* (2010:1028) metafizik merujuk kepada falsafah mengenai segala yang di luar alam biasa atau yang tidak kelihatan, maakulat. Pemikiran tentang kewujudan ini meliputi pemikiran tentang hubungan manusia dengan agama serta menyentuh konsep kewujudan sesuatu benda dan fenomena alam dalam peribahasa. Oleh itu, pengkaji menfokuskan kepada gugusan ideologi Melayu yang menyentuh aspek kewujudan sesuatu benda dan fenomena alam yang terkandung di dalam buku *100 Pepatah Petith* karya Siti Zainon Ismail.

Sejajar itu, akal budi bangsa Melayu digarap seranumnya berdasarkan alam sekeliling yang menjadi konteks utama pembentukan sahsiah Melayu unggul. Hal ini diperakui oleh Winstedt (1950) bahawa lazimnya seni yang terhasil daripada kemewahan peribahasa dipengaruhi oleh alam sekitar yang begitu dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Pemikiran masyarakat Melayu telah membina sebuah konsep yang jitu hasil daripada pengamatan terhadap fenomena alam amsalnya, ombak, kilat dan sebagainya. Hal ini kerana kewujudan fenomena alam flora dan fauna menjadi aspek pembinaan peribahasa. Sebagaimana dapat dilihat di dalam peribahasa *100 Pepatah Petith* karya Siti Zainon Ismail seperti berikut:

Data	Peribahasa	Makna
P13	Ulat bulu naik daun.	Suka Menggoda
P14	Kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai.	Peringatan untuk berhati-hati.
P15	Kukira panas sampai ke petang rupanya hujan di tengah hari.	Harapan tidak sampai

Jadual 5: Peribahasa pemikiran tentang kewujudan (metafizik).

Berdasarkan rajah diatas, fenomena alam digunakan sebagai gambaran kepada sifat manusia yang terhasil daripada faktor yang dilalui dalam kehidupan sehari-hari menghubungkaitkan interaksi antara fenomena alam dengan manusia. Paksi perlambangan terbahagi kepada dua perlambangan iaitu bersifat berkonotasi positif dan berkonotasi negatif yang merangkumi alatan, haiwan, tumbuhan dan gelaran, Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud (2009). Sejajar itu, penggunaan haiwan sebagai perlambangan merupakan hasil penelitian masyarakat Melayu terhadap sifat haiwan tersebut dengan persamaan yang terdapat dalam sikap manusia khususnya masyarakat Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa agen alam menjadi letusan akal budi bangsa Melayu dalam proses penaakulan, penelitian, dan pengamatan yang membentuk intipati dalam peribahasa.

Hal ini kerana, bangsa Melayu hidup dalam persekitaran yang dipenuhi dengan binatang, sama ada ianya binatang buas, liar ataupun binatang ternakan. Kehidupan masyarakat klasik yang terdedah pada persekitaran yang dikelilingi oleh hutan rimba, kebun dan ladang, sungai dan laut menyebabkan mereka sering bertemu dengan pelbagai haiwan sehingga menjadikan ianya sebagai subjek perlambangan di dalam peribahasa. Pada ghalibnya, ulat bulu di dalam data P13 merupakan serangga yang wujud terhasil daripada beberapa peringkat proses Metamorfosis sebelum bertukar menjadi rama-rama atau kupu-kupu. Ulat bulu begitu digeruni oleh masyarakat Melayu dek kerana kegatalan dan keradangan pada kulit yang boleh mengganggu kehidupan manusia. Gelaran ulat bulu adalah hasil daripada sifat lahiriahnya mempunyai banyak bulu yang mengandungi racun dan toksin yang akan bertindakbalas kepada kulit masyarakat.

Rentetan itu, masyarakat Melayu tradisional menggelarkan seseorang dengan peribahasa ini bagi menyindir individu yang mengada-ngada dan gemar mencari kesempatan menggoda walaupun baru berkenalan. Kebiasaanya, ulat bulu dikenali sebagai haiwan herbivor yang gemar memakan daun secara rakus sehingga ulat ini dijadikan musuh di dalam layar pertanian. Sejajar dengan kecaknaan penaakulan masyarakat Melayu, penggunaan ulat bulu naik daun melambangkan seekor haiwan yang membela makanan kesukaan nya sebelum ia membahamnya secara rakus. Ini bertitik tolak dengan fokus utama penuntur, bahawa seorang wanita merupakan entiti yang amat disukai oleh kaum lelaki. Dimana, kaum lelaki akan menggoda wanita dengan bersungguh demi agenda yang tertentu.

Seterusnya, fenomena manusia berinteraksi secara tidak langsung dengan alam dapat diperincikan dengan gambaran persekitaran sebagai objek utama dalam menzahirkan sesebuah karya. Dimana, keindahan bahasa di dalam puisi Melayu tradisional lahir daripada minda bangsa yang cukup peka terhadap perkaitan yang berlebar di sekeliling manusia, sebagai nilai sosial, nilai moral dan fungsi adat dalam kehidupan bagi memaut asas keamanan bermasyarakat. Memetik kata-kata Siti Zainon Ismail (2010) bahawa *Kayanya alam yang dipetik menjadi guru* di dalam bukunya *100 Pepatah Petith Melayu*.

Pandangan dan falsafah hidup begitu padat ditakrifkan atau disiratkan oleh pemikir sastera dahulu kala dalam puisi Melayu tradisional. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam data P14 dan P15 yang menggunakan frasa ‘ombak’, ‘panas’ dan ‘hujan’ dalam memaparkan fenomena alam. Mengikut data P14 frasa ‘takut dilambung ombak’ memaparkan fenomena alam, iaitu merujuk kepada peringatan penuntur kepada masyarakat jika belum kuat diuji dan masih belum mampu mempertahankan diri, jangan

sengaja mencabar kerana segala angkara datang tidak mengira masa. Ombak terhasil daripada fenomena alam air pasang iaitu bergantung kepada air laut yang naik dan surut yang dipengaruhi oleh keadaan cuaca dan faktor geologi bumi.

Pada ghalibnya, bahasa sindiran yang dipertuturkan pada zaman Melayu tradisional telah terbukti sebagai suatu medium interaksi lintas-budaya hasil daripada penekanan terhadap fenomena alam sekeliling. Unsur alam yang terdapat di dalam data P15 digunakan di dalam puisi Melayu tradisional sebagai sindiran jenis ejekan yang terkadang harapan yang diinginkan tidak kesampaian. Hal ini dapat dilihat daripada pemikiran masyarakat Melayu tradisional yang mengatakan bahawa jalinan hidup yang tidak panjang usia dan diharapkan dapat hidup bersama, namun kerana umpatan keji mengakibatkan perbalahan sering terjadi. Akhirnya segala hubungan putus di tengah jalan sehingga hubungan tidak dapat diteruskan. Oleh itu, jelas menunjukkan pemikiran peribahasa Melayu yang berbentuk sindiran menjadi cerminan jati diri yang terkandung di dalam akal budi bangsa Melayu yang dipindahkan secara halus sebagai suatu prakarsa dalam menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat.

Tuntasnya, ungkapan sindiran halus ini secara tidak langsung melambangkan bahasa yang ada dalam pemikiran bangsa Melayu dan bahasa menentukan pandangan dunia bangsa Melayu yang begitu dekat dengan perkaitan alam dan fenomena yang berlegar sekelilingnya yang turut merangkumi hidupan flora dan fauna. Hal ini selari dengan gagasan ideologi Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986) di dalam teori Relevans dibawah pendekatan kognitif yang menekankan kepada logik akal manusia yang bersesuaian dengan persekitaran setempat. Prinsip Kognitif Relevans yang menegaskan bahawa kognisi manusia cenderung untuk memaksimumkan relevans. Memandangkan setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih

rangsangan (input) yang paling relevans sahaja dalam persekitarannya dan memproses input ini bagi mencapai Relevans yang paling optimum.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.2.2 Pemikiran Tentang Ilmu Pengetahuan (Epistemologi) Melalui Aspek Kognitif.

Epistemologi merupakan istilah pinjaman yang berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘episteme’ dan ‘logos’ yang membawa pemaknaan kajian berkenaan ilmu pengetahuan. Sejajar dengan pendapat Muhammad Zainiy Uthman (1998) yang mengatakan bahawa epistemologi merujuk kepada kajian berkenaan sesebuah ilmu pengetahuan. Oleh itu, istilah ini merungkai berkenaan hakikat, pemaknaan, kandungan sumber dan proses ilmu yang menjadi tunjang dalam sesebuah falsafah. Menurut Basri Husin (2010), istilah ini dikaitkan dengan aspek ilmu yang membawa kepada pemahaman kebenaran. Dimana, menitik berat sudut struktur, metode dan keabsahan ilmu.

Sehubungan itu, kajian ini lebih menyentuh kepada aspek peribahasa yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan ataupun lebih dikenali sebagai epistemologi. Tidak dinafikan bahawa ilmu merupakan sesuatu perkara yang penting dan harus dimiliki oleh semua manusia kerana dengan ilmu seseorang dapat membezakan sesuatu yang benar atau yang salah mahupun yang wujud dan tidak wujud. Perkataan epistemologi bermaksud sesuatu ilmu yang secara khusus mempelajari dan mempersoalkan secara terperinci mengenai apa itu pengetahuan, dari mana pengetahuan diperolehi dan bagaimana cara untuk memperolehi ilmu tersebut. (Anton Bakker&Achmad Charris Zubair, 2019). Dalam agama Islam, ilmu merupakan fardhu ain dan kita wajid untuk melaksanakan fardhu ain tersebut. Dengan itu, maka wujudlah peribahasa yang menyentuh berkaitan dengan ilmu pengetahuan. Antara peribahasa tersebut adalah:

Data	Peribahasa	Makna
P16	Ulat buku	Suka membaca buku.
P17	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Masa kecil anak perlu diajar dan dididik, janganlah tunggu sampai besar

- P18 Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau Yang berilmu cepat diterima di mana-mana.

Jadual 6 Menunjukkan peribahasa berkenaan pemikiran tentang Epistemologi.

Berdasarkan data peribahasa diatas bermaksud sesuatu pelajaran hendaklah dimulai dari sebuah permulaan. Daripada pemaknaan peribahasa P16, P17 dan P18 jelas menunjukkan cetusan akal minda masyarakat Melayu tradisional yang mementingkan peranan menuntut ilmu dan mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari dengan penuh hikmah dan bijaksana. Keluhuran nilai ilmu ini hasil gugusan minda Melayu yang mampu membentuk akal minda Melayu yang mementingkan isu pendidikan di dalam sahsiah masyarakat. Peribahasa ini berkait rapat dengan pemikiran ilmu pengetahuan yang perlu ada dalam setiap diri manusia.

Sehubungan itu, data P16 jelas memancarkan elemen yang berada dipersekutaran dalam menyampaikan maksud dan nasihat pada setiap perbuatan yang dilakukan. Berbalik kepada maksud peribahasa tersebut, terpancar jati diri masyarakat Melayu yang menitik beratkan amalan membaca yang merupakan proses kepada pintu ilmu yang mewah. Sebagaimana petikan Siti Zainon Ismail di dalam bukunya *100 Pepatah Petitih Melayu* yang mengatakan bahawa manusia yang mencintai ilmu bermula dengan minat serta ketaksuhan individu membaca buku.

Oleh itu, penuntur menggunakan medium sindiran jenis ironi dalam menyampaikan peribahasa ini dalam membantu proses pesanan yang penting kepada masyarakat dalam membudayakan kecintaan terhadap ilmu. Dimana, masyarakat Melayu tradisional mengasah minda Melayu agar sentiasa haus akan buku dan ilmu dalam meraih keredaan Allah Swt. Pemikiran masyarakat yang berpegang kepada paksi

ilmu boleh dilihat daripada sudut minda dan akal budi Melayu yang dakal diterjemah kedalam seni bahasa indah yang terangkum di dalam Puisi Melayu tradisional. Sewajarnya pembudayaan ilmu diterapkan dalam lapisan masyarakat yang diadun bersama aspek rohani, akhlak, jasmani dan minda genetik yang mantap.

Rentetan itu, nasihat berkenan penerapan ilmu sedari kecil turut di selitkan oleh Siti Zainon Ismail di dalam *100 Pepatah Petith Melayu* yang dapat dilihat pada data P17. Pemikiran tentang ilmu pengetahuan terpancar terus melalui peribahasa Melentur buluh biarlah dari rebungnya yang membawa maksud memberi didikan dan ajaran sedari kecil dan tidak hanya menfokuskan pada usia dewasa. Dimana, masyarakat Melayu tradisional menitipkan teguran jenis sindiran ini kepada ibu bapa dalam penekanan ilmu yang telus sama ada dari aspek adab, fungsi adat dan kecintaan ilmu sedari kecil agar pembentukan sahsiah mudah dibentuk dan diajar.

Hal ini kerana, sejajar dengan peningkatan usia anak-anak, penerimaan terhadap teguran dan didikan kian mencabar, dek kerana terdedah dengan pengaruh sekeliling serta faktor tembok keegoan kian membenih. Oleh itu, akal budi bangsa Melayu yang kritis terpancar daripada peribahasa yang dipertuturkan dengan penggunaan unsur alam sebagai guru yang mampu meluntur dan memberi didikan yang bermanfaat kepada peradaban masyarakat Melayu.

Seterusnya, peribahasa yang terkandung didalam data P18 yang berbunyi ‘Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau’ merujuk kepada individu masyarakat yang mewah dengan ilmu yang mudah diterima di mana-mana. Berdasarkan peribahasa diatas, ia menerangkan bagaimana masyarakat Melayu tradisional menitikberatkan kepentingan ilmu dalam melakukan sebarang perkara mahupun pekerjaan kerana dengan ilmu yang dimiliki mampu membantu dalam menyelesaikan sebarang halangan yang dihadapi

ketika melakukan pekerjaan. Dimana, orang yang berilmu dapat menyebarkan pengetahuan walau dimana pun berada dengan memberi kebaikan dan manfaat kepada masyarakat sekeliling. Manfaat ilmu ini sentiasa mengalir dalam setiap aspek kehidupan, malahan tidak pernah dianggap sia-sia malah ianya juga mendatangkan hasil yang baik dan bagus.

Pada ghalibnya, ilmu pengetahuan merupakan aspek utama pendidikan yang merupakan terbitan kata yang membawa pemaknaan dalam menjaga, memelihara dan mengajar masyarakat. Dimana, ia juga membawa pemaknaan yang sama erti dengan ajaran, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan serta tunjuk ajar. Pendidikan dianggap suatu kepentingan kerana ia merupakan obligasi dalam memelihara serta memancarkan nilai asas sesebuah masyarakat. Selain itu, menjadi layar dalam menyemai serta mengekalkan jati diri dan lambang akal budi bangsa Melayu. Melalui konteks perbincangan, taraf ilmu pengetahuan menjadi cerminan tingkah laku serta kecenderungan yang terhasil daripada sesebuah masyarakat yang mempengaruhi proses tumbesaran serta proses kematangan kearah melahirkan modal insan yang mapan. Oleh itu, demi merealisasikan acuan tersebut, pemikir puisi tradisional Melayu telah memasukkan banyak unsur pendidikan dalam setiap pertuturan yang menjadi agen ungkapan harian masyarakat Melayu.

Hal ini bertepatan dengan gagasan pendekatan Kognitif yang memproses input dengan tahap kerelevan dalam memperinci pemaknaan dalam sudut peribahasa. Melalui prinsip teori ini juga, dapat dilihat bagaimana penuntur dapat mengemukakan sesuatu peribahasa yang dapat memberi teguran dan nasihat disamping dapat mempengaruhi minda masyarakat dengan peribahasa tersebut supaya sentiasa berkelakuan baik serta beradab sopan. Misalnya, ibu bapa mencorakkan sahsiah anak-

anak yang mantap melalui set minda yang mencintai ilmu dan mementingkan tahap pendidikan di dalam diri setiap anak agar menolak setiap agen yang berkononatif negatif.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.2.3 Pemikiran Tentang Tingkah Laku Dan Moral Manusia (Etika) Melalui Aspek Komunikatif.

Etika merujuk kepada tingkah laku atau kelakuan yang menjadi corak sandaran hasil sahsiah sesebuah masyarakat. Dimana, ia merangkumi aspek tingkah laku yang menjadi wajah interaksi antara masyarakat. Interaksi di antara manusia, merupakan hasil daripada konflik yang berjaya ditangani dalam sesebuah perhubungan harmoni. Setiap umat manusia tidak terpisah dari konflik dan permasalahan yang sering berlebar di dalam kerukunan masyarakat. Sungguhpun konflik sering dilihat sebagai aspek negatif, namun, dalam keadaan tertentu, ia mampu membawa hasil yang baik dan memberi impak yang positif dalam sesuatu konflik.

Seterusnya, moral merupakan suatu medium yang menilai segala aspek tindakan zahir manusia secara relevan. Dimana, nilai moral telah dianyam dengan persoalan yang berada di celah-celah pemaknaan yang kritis dari aspek pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia. Sejajar dengan pendapat Hurlock (1990) yang merungkaikan pendefinisian moral yang merujuk kepada tingkah sopan santun, sesuatu kebiasaan, adat istiadat serta peraturan kelakuan yang menjadi sebuah kebiasaan sesebuah bangsa. Justeru, melalui konteks perbincangan, pengkaji lebih menfokuskan kepada tingkah laku dan moral yang terdapat di dalam perhubungan kekeluargaan yang terkandung di dalam *100 Pepatah Petith Melayu* berikut:

Data	Peribahasa	Makna
P19	Carik-carik bulu ayam	Perselisihan faham antara adik-beradik tidak akan berpanjangan.
P20	Dimana tumpah kuah kalau tidak ke nasi.	Anak yang mengikut segala perangai yang baik dan tidak baik ibu bapanya.
P21	Seperti menatang minyak yang penuh	Kasih sayang yang penuh perhatian.

Jadual 7, Menunjukkan peribahasa berkenaan pemikiran tentang Tentang Tingkah Laku Dan Moral Manusia (Etika).

Berdasarkan data P19, P20 dan P21 jelas menunjukkan bahawa peribahasa kaya dengan pemikiran orang Melayu terhadap penekanan tingkah laku dan moral yang merangkumi aspek kekeluargaan. Menurut sudut antropologi dan sosiologi, sebuah keluarga mempunyai fungsi penting dalam meningkatkan bilangan bangsa masyarakat sama ada secara biologi mahupun sosial iaitu perkahwinan. Dimana, aspek keharmonian dan kedamaian hidup berkeluarga ditekankan dalam mempengaruhi pembentukan keluarga yang berkualiti dari sudut pendidikan dan aspek budi pekerti yang luhur. Selain itu bangsa Melayu menekankan setiap ibu bapa dan keluarga bertanggungjawab dalam memelihara anak-anak dengan sempurna, memberikan kesejahteraan dan pendidikan agama yang secukupnya untuk bekalan akhirat kelak.

Sejajar dengan pendapat Hanson (1996), keluarga boleh dikatakan sebagai sebuah kumpulan atau individu yang saling bertaut dalam menyalurkan kekuatan serta sokongan dalam aspek emosi dan fizikal antara satu sama lain. Oleh itu, peribahasa berperanan sebagai layar utama dalam memupuk kasih sayang dan menyebarkan nilai moral yang baik kepada semua lapisan masyarakat. Sebagaimana peribahasa di dalam data P19 yang membawa maksud perselisihan faham antara adik-beradik tidak akan berpanjangan. Peribahasa ini berkait rapat mengenai moral masyarakat dan sinonim dengan institusi kekeluargaan.

Melalui data P19, jelas menunjukkan bahawa bulu ayam yang dicarik akan tumbuh semula sejajar dengan pemaknaan kepada setiap pergaduhan di antara saudara sedarah sama ada pergaduhan manja atau teruk akan berbaik semula dipenghujungnya. Berbalik kepada peribahasa tersebut, kita hendaklah bersifat ihsan

sesama adik beradik agar tali persaudaraan kekal utuh buat selamanya. Kebiasaanya, pergaduhan berpunca daripada bisa pertuturan sehingga menyebabkan emosi hati sesama saudara tidak stabil. Oleh itu, penuntur tradisional menggunakan peribahasa ini dalam mengingatkan kembali masyarakat agar, sentiasa berdamai semula selepas tercetusnya salah faham atau pergaduhan dalam kalangan saudara sedarah kerana melalui pergaduhan mampu membuka peluang meraih Rahmat Allah kian hilang.

Seterusnya, dapat dilihat unsur kekeluargaan sebagai latar masyarakat utama di dalam peribahasa P20 yang menggambarkan tingkah laku dan moral manusia hasil daripada peranan ibu bapa sebagai suri teladan pembentukan identiti anak-anak. Oleh hal yang demikian, ibu bapa bertanggungjawab memberikan didikan yang wajar dan tidak memudaratkan masa depan anak-anak. Kecuaian ibubapa dalam mendidik anak-anak akan memberikan kesan yang buruk di masa hadapan. Peribahasa ini bertepatan dalam menegur dan menasihati para ibubapa agar selalu cakna akan masa depan anak-anak dan mampu menjadi contoh yang baik.

Sehubungan itu, merupakan suatu kewajiban ibu bapa dalam mencorak rentak keperibadian seseorang anak. Hal ini kerana merujuk kepada didikan kedua ibu bapa dalam menyulam aspek dan amalan mahmudah sebagai kesantunan utama yang perlu dipraktikkan. Dimana, ibu bapa perlu melagangkan kebaikan dan nilai murni dalam memimpin anak – anak menjadi acuan yang terbaik sehingga mampu berjasa kepada agama, bangsa dan negara. Sesuai dengan perintah agama Islam yang menyarankan agar kedua ibu bapa menjadi wasilah diantara ilmu akhirat dan dunia sehingga berjaya melahirkan anak yang soleh dan solehah serta mantap kerohanianya.

Selain itu, data P21 pula menunjukkan berkenaan terlalu kasih sebuah keluarga dan sentiasa membelai anggota keluarga dengan penuh kasih sayang serta sentiasa

dijaga dari sebarang gangguan. Penuntur peribahasa ini menyindir secara halus berkenaan kasihnya ibubapa kepada anak sehingga sanggup berkorban segala demi kebahagiaan mereka. Maka, jelas bahawa perlakuan masyarakat Melayu zahir daripada kasih sayang yang menggunung antara satu sama lain. Dimana, tali silaturrahim yang terjalin dipegang erat dan kemas antara institusi keluarga terzahir sehingga menjadikan mereka saling menjaga antara mereka. Hal ini terhasil daripada didikan moral yang dipupuk dan diamalkan masyarakat Melayu tradisional amat jitu dan berada pada tahap tertinggi kerana moral merupakan teras bagi kehidupan yang aman lagi damai.

Rentetan itu, prinsip relevans komunikatif dapat dilihat daripada bagaimana seseorang tersebut dapat mengemukakan sesuatu peribahasa yang dapat memberi teguran dan nasihat kepada orang lain disamping dapat mempengaruhi orang lain dengan peribahasa tersebut supaya sentiasa berkelakuan baik serta beradab sopan dalam kehidupan seharian. Selain itu, prinsip ini menggambarkan bagaimana penuntur dapat memberi teguran dan nasihat kepada orang lain sama ada secara sindiran halus dan lembut serta sebagai pendengar, mereka perlu menerima setiap teguran dan nasihat itu secara terbuka dan mengambil setiap teguran sebagai batu loncatan dalam hidup mereka. Jadikan yang baik sebagai pengajaran dan yang buruk sebagai sempadan.

4.2.4 Pemikiran Tentang Keindahan (Estetika) Melalui Aspek Komunikatif

Peribahasa banyak menggunakan bahasa atau perkataan yang mempunyai keindahan atau nilai estetikanya yang tersendiri. Pemikiran berkaitan keindahan estetika dalam organisasi juga dapat dilihat dalam peribahasa. A. Wahab Ali (2002) menyatakan estetika merujuk kepada sesuatu objek alam dan seni yang bernilai dan berguna pada penglihatan dan penikmatan kita seperti sesuatu yang indah, mengagumkan, mempersonakan, cantik dan indah misalnya melihat alam dan pemandangan.

Menurut Shipley (1957) menyatakan estetika berasal dari perkataan Yunani iaitu ‘aistheta’ yang diambil daripada perkataan ‘aisthe’ (hal-hal yang dapat ditanggapi dengan indra, tanggapan indra). Ketinggian seni sastera dapat dihayati melalui ketinggian pemikiran, keseronokan dan darjat manusia diangkat melalui karya seninya begitu juga dengan peribahasa yang mengangkat ketinggian pemikiran dari segi keindahan (estetika) dalam penggunaan bahasanya yang halus. Peribahasa juga memperkatakan tentang pemikiran keindahan atau estetika dalam hidup berorganisasi. Berikut merupakan antara contoh peribahasa yang menyentuh tentang aspek organisasi.

	Data Peribahasa	Makna
P22	Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah.	Pertelingkahan orang berkuasa menyebabkan orang biasa menjadi mangsa.
P23	Kerbau dicucuk hidung.	Seseorang yang hanya menurut perintah setelah dirinya sudah tiada arah dan tidak mampu berbuat apa-apa untuk melarikan diri kerana pengaruh seseorang yang berkuasa.
P24	Tak dapat tanduk, telinga dipulas	Melepaskan geram atau amarah pada seseorang yang lebih rendah kuasanya daripada orang yang dituju.

Jadual 9, menunjukkan peribahasa berkenaan pemikiran tentang keindahan (estetika).

Peribahasa ‘gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah’ jelas memperlihatkan sindiran terhadap pemimpin yang mengabaikan nasib rakyatnya. Keindahan dari segi penggunaan ungkapan bagi menggambarkan situasi sebenar yang berlaku dalam masyarakat seperti keindahan ungkapan yang dapat dilihat dengan jelas iaitu gajah yang dianggap sebagai binatang yang kuat dan gagah telah digunakan dalam peribahasa bagi menggambarkan sikap pemimpin yang mempunyai kuasa dan pengaruhnya yang tersendiri. P22 memperlihatkan pemimpin yang terlalu mengejar kedudukan dan status sehingga mengabaikan nasib rakyatnya. Ungkapan pelanduk pula digambarkan sebagai rakyat yang menjadi mangsa keadaan kesan daripada pergaduhan atau perebutan kuasa oleh pemimpin. Penggunaan istilah pelanduk yang bertubuh kecil dan tidak mempunyai kekuatan seperti gajah ini digunakan bagi menggambarkan dengan jelas bahawa rakyat adalah mangsa yang menerima kesan yang teruk daripada pertikaian yang melibatkan pemimpin.

Hal ini bersesuaian dengan Prinsip Relevans Komunikatif yang lebih kepada tingkah laku dalam komunikasi. Penelitian dalam peribahasa unsur estetika yang banyak mendominasi bahasa dan pemikiran Melayu dalam penciptaan peribahasa. Melalui Teori relevan ini memperlihatkan dengan jelas bahawa penciptaan idea yang berkait rapat dengan komunikasi penutur yang menggunakan perkataan tersirat dapat dilihat melalui peribahasa yang menggambarkan sikap masyarakat golongan atasan melalui perkataan gajah dan golongan bawahan melalui perkataan pelanduk.

Seterusnya, peribahasa di data P23 pula memaparkan sindiran terhadap individu yang tunduk dibawah kekuasaan individu lain. Keindahan dari segi penggunaan istilah seperti kerbau yang mana dapat dilihat walaupun kerbau merupakan antara binatang yang mempunyai kekuatan yang tersendiri namun tetap tunduk di tangan

manusia yang berjaya menjinak dan mengikatnya dengan tali. Peribahasa ini jelas menggambarkan sikap seseorang yang mempunyai kekuatan atau kebolehan tertentu yang hebat namun sanggup menjadi hamba atau pengikut kepada seseorang yang mempunyai kekuasaan terhadap sesuatu yang menjadi miliknya. Hal ini dengan jelas, menggambarkan seseorang yang sanggup bertindak dibawah seseorang yang lebih berkuasa apabila dia tidak melihat jalan keluar daripada belenggu kekuasaan itu sehingga ada yang sanggup melakukan pelbagai perkara termasuklah perkara yang boleh menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang.

Penelitian dalam peribahasa P23 memperlihatkan dengan jelas bahawa penciptaan idea yang berkait rapat dengan komunikasi penutur yang menggunakan perkataan tersirat yang dapat dilihat melalui peribahasa yang mana menggambarkan sikap masyarakat yang ditundukkan. Hal ini kerana kekuasaan golongan atasan keatas dirinya dan tidak berusaha untuk mengubah nasibnya yang mana dapat dilihat melalui peribahasa yang memperlihatkan sikap kerbau binatang yang kuat yang ditundukkan apabila diikat dengan tali yang mana dapat dilihat pemikiran penutur yang menggambarkan bahawa sekutu manapun manusia pasti tunduk bila kelemahannya dipegang oleh orang lain.

Selain itu, P24 memperlihatkan bagaimana sikap pemimpin yang menyalahgunakan kekuasaan yang ada padanya dengan menghukum seseorang yang lebih rendah kuasanya. Keindahan penggunaan kata seperti tanduk iaitu bahagian yang sangat keras yang jelas dapat dilihat dari segi kekuatan dan kekerasannya atau boleh digambarkan sebagai pihak yang mempunyai kuasa yang besar. Penggunaan ungkapan iaitu telinga yang merupakan bahagian yang paling lembut dan mudah untuk cedera sama ada bagi manusia atau binatang pula digunakan bagi menggambarkan seseorang

yang pangkat atau kekuasaan yang lebih rendah. Hal ini jelas memperlihatkan P24 ini menggambarkan sikap tidak adil pemimpin yang melepaskan perasaan amarah atau kemarahannya terhadap pihak atasan atau pihak yang lebih berkuasa daripadanya kepada pegawai yang lebih rendah pangkat dan kekuasaannya.

Hal ini bersesuaian dengan prinsip Relevans Komunikatif pula lebih kepada tingkah laku dalam komunikasi. Penelitian dalam peribahasa unsur estetika yang banyak mendominasi bahasa dan pemikiran Melayu dalam penciptaan peribahasa. Melalui Teori relevan ini memperlihatkan dengan jelas bahawa penciptaan idea yang berkait rapat dengan komunikasi penutur yang menggunakan perkataan tersirat yang dapat dilihat melalui peribahasa yang mana menggambarkan sikap masyarakat golongan atasan yang menyalah gunakan kuasa sehingga menganiayai golongan bawahan yang mana dapat dilihat melalui perkataan telinga (golongan bawahan) yang menjadi mangsa kerana tidak dapat melepaskan kemarahan kepada tanduk (golongan atasan yang lebih berkuasa).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.5 Pemikiran Tentang Penaakulan Manusia Terhadap Alam (Logik) Melalui Aspek Komunikatif.

Menurut *Kamus Dewan* (2010:951), logik merujuk kepada sains yang berkait rapat dengan prinsip yang membolehkan pemikiran dan penaakulan. Logik merupakan penggunaan akal fikiran dengan bernas dalam kehidupan seseorang manusia. Persoalan logik ini ternyata dapat diterima oleh akal. Logik ini digunakan dalam pemikiran manusia untuk mengaitkan dengan pelbagai fenomena alam sekeliling. Penaakulan adalah proses semula jadi minda manusia yang sentiasa mengembara dan meneroka kealaman akal fikiran.

Menyingkap terhadap konsep akal budi Melayu yang sentiasa mekar subur dalam ruang lingkup sosiobudaya Melayu. Ia dipengaruhi kuat oleh pemaknaan akal budi bangsa Melayu dalam konsep yang terjelma daripada kearifan serta kecaknaan fenomena alam yang sentiasa berlegar dalam akal fikiran Melayu tradisional. Menurut Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil dan Ghazali Lateh (2015) perkataan akal merujuk kepada kemampuan berfikir yang melengkapkan manusia berkenaan ilmu logik yang mendorong kepada pemikiran terhadap segala idea dan perilaku yang diperlukan dalam bertindak untuk melakukan perbezaan antara baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan lahiriah peradaban manusia. Sebagaimana peribahasa yang berkait dengan logik dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa	Makna
P25	Di mulut naga lagi kurebut, inikan pula di tangan orang.	Hendaklah berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati.
P26	Lain padang, lain belalang	Setiap negeri mempunyai adat yang berlainan.
P27	Dari telaga yang jernih, tak akan mengalir air yang keruh	Seseorang yang sememangnya bersifat mulia, tidak akan berbudi bahasa yang kasar

Jadual 8, Menunjukkan peribahasa tentang pemikiran tentang penaakulan manusia terhadap alam (logik).

Peribahasa P25 membawa maksud jika seseorang memerlukan sesuatu, perlulah berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehnya. Pemikiran Melayu tradisional secara logik ditetapkan dalam peribahasa ini. Melalui konteks ini, leksikal naga digunakan sebagai simbolik haiwan yang mempunyai martabat yang tinggi. Dimana orang Melayu klasik mengklasifikasikan naga sebagai gabungan buaya dan ular tetapi ianya bersifat bersayap dan mempunyai kuku yang cekam serta boleh menghembuskan api. Oleh itu, penggunaan simbolik naga digunakan suatu gambaran individu yang berkuasa dan mempunyai segala kemegahan sehingga pangkat diangkat tinggi. Oleh itu, peribahasa ini merupakan ungkapan sindiran penutur kepada masyarakat yang mudah berputus asa sebelum berusaha. Hal ini kerana, peribahasa ini merujuk kepada buah fikiran masyarakat berkenaan perjuangan untuk mendapat sesuatu yang berharga sehingga sanggup menempuh kesukaran walau yang dihajati sudah dipunyai atau banyak halangan.

Sehubungan itu, penuntur menggunakan peribahasa P25 untuk mendidik masyarakat Melayu dalam menangani situasi getir dan berusaha untuk menyelesaikan segala isu serta akhirnya menemui jalan keluar. Hal ini akan menjadi suatu tiupan semangat kepada masyarakat kian meningkat kerana hanya menfokuskan kepada pegangan impian dan matlamat.

Seterusnya, peribahasa di dalam data P26 pula membawa maksud bahawa setiap negeri mempunyai adat yang berlainan. Dalam negara mempunyai beberapa negeri yang mengamalkan pelbagai adat dan kepercayaan oleh masyarakat. Melalui

konteks perbincangan, peribahasa ini menjadi ungkapan penutur yang dijelaskan melalui dua alam sekitar yang merangkumi flora dan fauna seperti padang dan belalang. Walaupun warna padang dan belalang berwarna hijau namun fungsi yang dimiliki adalah berbeza. Kedua-dua alam ini menjelaskan kelainan fungsi. Dimana, walau kehidupan belalang dan padang sinonim bersama, namun latar kejadian alam tetap berbeza. Sebagaimana dapat dilihat dalam negara majmuk di alam Melayu yang hidup muafakat bersama, namun tetap mengamalkan kunci adat dan kepercayaan yang berbeza.

Selain itu, peribahasa dalam data P27 membawa maksud jika seseorang bersifat mulia, tidak akan berbudi bahasa yang kasar. Peribahasa ini menunjukkan dengan lebih jelas kaitan logik alam dengan pemikiran dan komunikasi masyarakat Melayu. Telaga yang jernih menunjukkan sifat yang suci dan mulia. Telaga yang bersih airnya tidak akan mengandungi kekotoran yang menjelaskan air yang jernih. Bersesuaian dengan persekitaran orang Melayu tradisional yang begitu mementingkan seni bahasa serta budi dan adab sopan yang tinggi dalam pelbagai aneka bahasa yang halus, sopan serta beretika. Hal ini kerana, bahasa dan budi Melayu menjadi teras dan penekanan di dalam pembentukan modal insan bangsa Melayu.

Hal ini bertepatan dengan prinsip relevans Komunikatif yang menjelaskan komunikasi ostensif di mana peribahasa ini disinambung dengan sifat masyarakat Melayu supaya berbudi pekerti mulia, sopan dan baik hati. Penyampaian maksud yang jelas dan relevan dihayati oleh masyarakat dalam kehidupan. Oleh itu, jelas bahawa peribahasa ini diwujudkan dengan pemikiran orang Melayu dengan kelogikan yang kreatif dan berasas berkait rapat dengan alam sekeliling dan alam logik.

4.3 KESIMPULAN

Peribahasa mengungkap pelbagai perkara sama ada perkara itu tersurat ataupun tersirat. Hal ini dapat dilihat melalui pemikiran pengarang Melayu yang kreatif dalam menghasilkan karya yang merangkumi idea, pandangan, nasihat, perasaan dan pengajaran dengan falsafah yang tinggi. Pemikiran dan falsafah bangsa Melayu yang digambarkan melalui penggunaan bahasa yang juga dimasukkan unsur alam semesta bagi membuat perbandingan dan menyampaikan teladan, nasihat, nilai dan peraturan hidup bagi memberikan pengertian yang mendalam kepada masyarakat. Tambahan lagi, penggunaan Teori Relevan yang dihasilkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 digunakan sebagai kerangka panduan dalam kajian terhadap peribahasa ini.

Hal ini ternyata menjadi prakarsa kepada kritikan secara analitik keatas pemikiran masyarakat Melayu klasik dalam menyantuni masyarakat dengan teguran yang halus namun tersirat seribu nasihat. Penggunaan bahasa yang ringkas tetapi di dalamnya terkandung maksudnya yang tersendiri. Pemikiran yang diterjemahkan dalam peribahasa juga dilihat sesuai dengan masyarakat Melayu itu sendiri. Penggunaan bahasa dan perkataan yang memperlihatkan gambaran kehidupan masyarakat pada masa dahulu yang terlibat dengan penternakan, perdagangan, pertanian sara diri dan pelayaran. Selain itu, susunan bahasa yang menarik, berlapik dan memiliki kehalusan budi pekerti antara pencipta dengan penutur juga dapat dilihat dalam peribahasa yang dihasilkan. Kata-kata yang diucapkan dalam karya sastera terutama dalam peribahasa sama ada secara tersurat atau tersirat dapat dilihat dengan jelas nilai keindahan dan kesantunan berbahasa yang telah lama wujud dalam kehidupan masyarakat Melayu terutama dari segi amalan yang telah menjadi warisan budaya yang dipelihara sehingga kini.

Tuntasnya, peribahasa yang terkandung di dalam *100 Pepatah Petitih Melayu* karya Siti Zainon Ismail jelas memancarkan bahawa bahasa tidak terpisah daripada buah fikiran serta budaya rasmi masyarakat Melayu tradisional yang menjadi khazanah warisan tidak ketara yang diturunkan kepada generasi ke generasi dengan mengunci nasihat serta tauladan yang kaya di dalamnya. Disamping menjadi agen sosial di dalam fungsi adat yang menjadi kayu panduan setiap tindakan dan pegangan kepercayaan di setiap hala kehidupan bangsa Melayu.



BAB 5

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan memaparkan rumusan kajian secara keseluruhan dan memberiskan cadangan cadangan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan berkaitan dengan hasil kajian. Fokus kajian yang menyentuh “Kajian Sindiran Halus dan Lembut di dalam Peribahasa, Pengaplikasian Teori Relevans”. Pengkaji telah membuat pembahagian terperinci terhadap data-data kajian untuk melihat satu gambaran jelas ke atas pemikiran sindiran halus dalam peribahasa yang terkandung di dalam buku *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail. Melihat bagaimana pemikiran halus penuntur tradisional disulam indah di dalam sindiran peribahasa sebagai pedoman dan nasihat utama.

Melalui konteks perbincangan, dapat disimpulkan bahawa kajian ini pemikiran dan keberkesanan peribahasa sebagai sindiran halus kepada masyarakat. Ianya kerana peribahasa ini disinambung dengan sifat masyarakat Melayu supaya berbudi pekerti mulia, sopan dan baik hati. Penyampaian maksud yang jelas dan relevan dihayati oleh masyarakat dalam kehidupan. Oleh itu, jelas bahawa peribahasa ini diwujudkan dengan pemikiran orang Melayu dengan kelogikan kreatif dan bernalas yang berkait rapat dengan alam sekeliling dan alam logik.

Ujaran peribahasa oleh penuntur mengandungi makna yang implisit dan diujarkan secara eksplisit, iaitu memerlukan proses penginterpretasian makna secara bijak yang dilakukan oleh pendengar. Sehubungan itu, ujaran yang terdapat dalam

peribahasa menjadi wasilah pembentukan peribadi bangsa Melayu dengan menggunakan diksi yang bersifat ejekan dan sindiran berkenaan sesuatu perilaku atau kata-kata seseorang. Menurut Luqman Ariffin & Abu Khair Atan dalam Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim dan Mohd Ra'in Shaari (2009: 106) peribahasa mencerminkan ketajaman renungan dan pemikiran nenek moyang kita yang membandingkan realiti kehidupan dengan segala gerak laku manusia dan alam sekitar. Menurut Mohd Tajuddin Abdul Rahman (1984) iaitu peribahasa lahir daripada pengalaman dan pengamatan alam sekeliling yang teliti oleh masyarakat Melayu lama.

Jelaslah, bahawa akal budi bangsa Melayu begitu cakna dengan isu yang berlebar di sekelilingnya dengan menggunakan peribahasa sebagai medium untuk menegur dan memerli masyarakat yang gemar mengetengahkan kesalahan dan kelakuan yang tidak begitu molek dipandang mata. Sehingga menjadi layar pembentukan modal insan masyarakat yang menjunjung tinggi adab dan budi pekerti yang luhur sehingga disegani di mata dunia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa gaya bahasa sindiran telah digunakan oleh masyarakat klasik dalam merencam kehidupan seharian seperti sindiran jenis ironi, sinisme, sarkastik dan satira. Sindiran ini merupakan hasil daripada kehalusan pemikiran masyarakat klasik dalam menyantuni jiwa pendengar dengan penuh berhikmah. Pemikiran peribahasa ketika itu dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling masyarakat seperti flora dan fauna yang menjadi agen perumpamaan bagi menegur tingkahlaku manusia.

Kajian ini merupakan kajian yang mengkaji penggunaan jenis gaya bahasa sindiran halus di dalam buku peribahasa *100 Pepatah Petith Melayu* karya Siti Zainon Ismail serta memfokuskan kepada kearifan pemikiran yang sarat di dalam peribahasa sebagai medium teguran masyarakat Melayu Klasik. Penggunaan diksi-diksi yang mempunyai makna yang tersurat dan tersirat didalam ujaran peribahasa. Secara langsung dapat memberikan impak kepada pemikiran pembaca sedikit sebanyak mengenai kekayaan pemikiran sindiran yang memberikan pengajaran serta pedoman kepada seseorang individu mahupun dalam masyarakat itu sendiri.

Selain itu juga, kajian yang dilakukan ini juga mampu memberikan sumbangan kepada pengkaji lain mengenali pemikiran sindiran halus dalam peribahasa dengan mengoptimumkan kerelevanan melalui aspek teori relevan. Dimana, hasil buah fikiran orang Melayu dalam peribahasa merupakan tebaran aspek yang luas merangkumi hubungan kekeluargaan, kejadian alam yang berlegar, kedudukan darjah, sifat kelahiran sesuatu haiwan dan objek, emosi dan perasaan yang mendalam dan taraf perlambangan masyarakat klasik. Kajian ini secara langsung telah membuka ruang kepada pengkaji lain untuk mengenali lebih mendalam lagi mengenai pemikiran sindiran halus dalam peribahasa daripada pelbagai sudut yang lain.

Sehubungan dengan itu, melalui kajian ini juga dapat mengangkat tahap sesebuah puisi sebagai salah satu kajian tesis. Hasil daripada kajian ini dapat membuka mata dan menarik minat pengkaji lain mengenai puisi yang memberikan pelbagai maksud tersurat dan tersirat dari segi diksi dan bahasa yang digunakan dan secara tidak langsung dapat memartabat karya sastera dalam alam moden kini. Pengkaji lain dapat menjalankan kajian tentang puisi ini menggunakan pelbagai lagi teori lain selain teori relevan seperti Pendekatan Semantik Inkuisitif, hipotesis Sapir-Whorf dan bermacam-macam lagi teori yang terdapat dalam dunia sastera ini sama ada dalam mahupun luar negara.

Dari aspek lain pula, menerusi kajian yang dilakukan ini dapat memberikan kefahaman, pengajaran dan mampu membantu pembentukan modal insan yang mantap di celah-celah dunia modernisasi kini. Melalui peribahasa di dalam buku Siti Zainon Ismail ini menjadi bukti kukuh dalam penciptaannya oleh anggota masyarakat yang cerdik pandai yang dikenali sebagai anonimus, kolektif dan akumulatif dalam sejarah, iaitu berdasarkan pemerhatian dan cerapan akal dan “peng-‘alam’-an” hidup terhadap alam dan budaya mereka, yang mencerminkan kebijaksanaan, persepsi, sikap, dan falsafah hidup masyarakat yang diwarisi zaman berzaman.

Oleh itu, berdasarkan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan pengetahuan dan maklumat mengenai ketajaman di sebalik pemaknaan puisi peribahasa yang dapat memberikan impak positif pada generasi masa kini yang semakin tenggelam dengan arus pemodenan zaman. Selain dapat mengangkat karya sastera sebagai salah satu medium dalam membentuk jati diri masyarakat Melayu pada masa kini.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa gaya bahasa sindiran telah digunakan oleh masyarakat klasik dalam merencam kehidupan seharian seperti sindiran jenis ironi, sinisme, sarkastik dan satira. Sindiran ini merupakan hasil daripada kehalusan pemikiran masyarakat klasik dalam menyantuni jiwa pendengar dengan penuh berhikmah. Pemikiran peribahasa ketika itu dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling masyarakat seperti flora dan fauna yang menjadi agen perumpamaan bagi menegur tingkahlaku manusia.

Sehubungan itu, di dalam kajian ini jelas terpancar pemikiran akal budi masyarakat Melayu yang bertitik tolak daripada pemikiran metafizik, epistemologi, estetika, etika dan juga logik. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa pengkaji lain meluaskan skop kajian terhadap pemikiran metafizik berkaitan kewujudan alam luarbiasa yang menfokuskan pengaruh ketuhanan di dalam peribahasa. Hal ini kerana, peribahasa ialah sejenis ujaran atau pertuturan yang sarat dengan kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian, yang tersusun dalam bentuk yang ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran. Tiap-tiap peribahasa ini sudah terbentuk dan terpakai begitu lama dalam pergaulan umum menjadi kata-kata bandingan, teladan serta pengajaran khususnya selepas kehadiran pengaruh Islam di Nusantara. Dalam gaya bahasa sastera, peribahasa berfungsi untuk menimbulkan keindahan struktur, kekuatan makna dan juga menimbulkan suasana atau ‘mood’ yang harmonis dengan perasaan dan pemikiran. Ini kerana peribahasa itu biasanya ringkas dan padat bentuk dan isinya serta benar dan jujur asas-asas pemikirannya. Maka ia amat berkesan untuk memperkuat hujahan mengenai sesuatu.

Seterusnya, pengaplikasian teori Relevans di dalam perincian pemaknaan peribahasa diharapkan memberi jalan pemula kepada dunia pengkajian kesusasteraan

dengan menggunakan teori tempatan. Sebagaimana pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 boleh diaplikasikan sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian peribahasa. Dimana, penelitian dan penghuraian terhadap beberapa aspek merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dapat dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian peribahasa. Hal ini demikian kerana, dibawah konteks Pengkaedahan Alamiah terdapat tiga bahagian pendekatan iaitu, pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Dimana, pendekatan moral merujuk kepada penggunaan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat yang digunakan sebagai sumber ilham sesebuah sastera.

Seterusnya, pendekatan moral pula memfokuskan kepada keupayaan yang mampu memberi manfaat yang lebih luas dan jauh merangkumi kebatinan serta keperibadian manusia. Ketiga, pendekatan firasat merujuk kepada naluri, hati, perasaan, mimpi atau dikenali sebagai ta'abir iaitu, proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu. Manakala, Pengkaedahan Keagamaan pula merangkumi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan juga pendekatan seni. Pendekatan dakwah menyentuh kepada kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Seterusnya, pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan untuk mencari keadilan dan kebaikan dalam masyarakat. Akhir sekali, pendekatan seni pula lebih tertumpu kepada nilai keindahan yang berlandaskan kefahaman agama Islam didalam karya kesusasteraan.

Pengaplikasian teori di dalam sesebuah kajian kesusasteraan merupakan prakarsa penting kerana ianya merupakan dasar yang menjadi asas kepada pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Teori juga merupakan fakta yang dibenarkan kebenarannya menurut peraturan ilmiah. Menurut Kerlinger (Ahmad

Mahdzan, 1983:11) mentakrifkan teori sebagai himpunan konsep, definisi dan saranan yang saling berkait, yang memberi gambaran teratur tentang sesuatu fenomena dengan menyatakan hubungan antara perkara-perkara untuk menerangkan dan meramalkan fenomena itu.

Sehubungan itu, sindiran halus yang lahir di dalam pemikiran peribahasa merupakan sebuah prakarsa dalam pembangunan semula seni berikutan keruntuhan standard yang lama, sebagai alamat kepada kelahiran bentuk yang lebih lembut, kebebasan untuk bereksperimen, pemandangan yang organik dan imaginatif terhadap sejagat dan semua ini menjadi pintu dalam memaut peluang dan kemungkinan yang sungguh dalam merangsang sahsiah dan identiti masyarakat. Oleh itu, pengkajian khusus terhadap interaksi antara pemaknaan peribahasa serta fungsinya kepada moral remaja kini begitu disarankan untuk dijalankan.

Cadangan yang terakhir adalah pihak kerajaan dan Ngo berkerjasama dalam membangunkan program seperti kempen Pembudayaan Peribahasa sebagai modus utama masyarakat. Kempen ini dilakukan dengan menggunakan media massa sebagai medium utama pengiklanan program. Hal ini demikian bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat kini untuk mengangkat serta memartabatkan sentiasa puisi tradisional sebagai khazanah bangsa Melayu yang tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas. Seterusnya untuk membantu setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan satu andaian relevan yang terdapat di dalam peribahasa secara optimum dengan memahami makna penutur dengan jelas. Dimana, perlambangan dan perumpaan halus yang dituturkan melalui peribahasa, perlu di tapis sehelai demi sehelai untuk mendapatkan makna sebenar dan tidak terkeluar daripada landasan makna yang ingin disampaikan. Selari dengan pendapat Sulaiman Zakaria (1998) yang

mendefinisikan peribahasa sebagai jalan untuk menyampaikan sesuatu maksud secara halus.

Kajian ini barangkali sangat kerdil sumbangannya namun adalah diharapkan pengkaji-pengkaji atau pencinta kesusastraan selepas ini dapat membuat satu kajian yang lebih komprehensif berkenaan aspek peribahasa Melayu. Oleh itu, diharapkan kajian ini mempu dijadikan landasan kearah kajian yang lebih hebat, menyeluruh dan lengkap.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.4 KESIMPULAN

Tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pemikiran yang terdapat di dalam peribahasa sebagai sindiran halus kepada masyarakat. Serta menganalisis jenis dan keberkesanan Gaya Bahasa sindiran di dalam peribahasa Melayu melalui pengaplikasian Teori Relevans. Sekaligus dapat membuktikan bahawa pemikiran yang berunsur sindiran halus dan lembut yang terkandung di dalam peribahasa dapat menyumbangkan kepada pembentukan moral masyarakat dengan penggunaan analisis teori relevans.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran kepada pengkaji lain dalam melihat aliran relevan didalam peribahasa ini sebagai salah satu kajian yang menarik dan dapat diteruskan oleh pengkaji lain dalam mengkaji dari sudut yang berbeza pula. Penemuan kajian ini telah menjawab segala objektif kajian dan persoalan yang dikaji di dalam pemikiran peribahasa yang terkandung di dalam buku *100 Pepatah Pepitih Melayu*. Penelitian ini telah membincangkan tentang tanggapan awal kajian dengan menggunakan analisis data dan panduan kajian lepas sebagai panduan dalam menganalisis data dengan lebih sempurna. Kesimpulannya melalui perbincangan yang dilakukan serta saranan dan cadangan yang diberikan dapat memberikan impak permulaan kepada pengkaji lain dalam melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai dunia peribahasa.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim & Mohd Ra'in Shaari (2009). *Semantik dan pragmatik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ade Nurdin, Yani Maryani, dan Mumu. (2004). *Intisari Bahasa dan Sastra Indonesia untuk SMU*. Bandung: CV. Pustaka Setia.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Z.A.Z Hamzah. (2011). Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai Dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik Serdang: Ph.D Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin. (2011). Terjemahan 'AIR' dalam Peribahasa Melayu- Inggeris: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*. Vol. 13. Universiti Teknologi Mara, Malaysia.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cartsburg, J. (2010). *Sarcasm - What is That? Finding a Definition*. GRIN Verlag: German.
- Daud, Muhammad Zaid & Subet, Mary Fatimah. (2019). "Sudah Tidak Tersudu Oleh Angsa, Baru Diberikan Kepada Itik": Perspektif Semantik Inkuisitif Dan Akal Budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*. V. 2, N. 1, P. 37-62. Kota Samarahan: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Ding, C. (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, 27(2), 3–26.
- E. R. Wahyuni. (2017). Penggunaan Gaya Bahasa Sindiran dalam Fil Xiao Haizi Bu Ben 2. Vol. 1. 0-7. Surabaya: Pendidikan Bahasa Mandarin, Fakulti Bahasa Dan Seni, Universiti Negeri Surabaya.
- Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Mengalami dan menghayati makna kemiskinan melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14, 28-43.
- Grice, P. (1975). Logic and conversation. In P. Cole and J.L. Morgan (Eds). *Syntax and Semantics. Speech Acts* (3), (pp.41-58). New York: Academic Press.
- Haliza Hamat. (2016). *Implikatur dalam Manuskrip Megat Terawis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hasmidar Hassan. (2014). Ucap Selamat, Ungkapan Anomali Namun Dimengerti Dalam Komunikasi: Penjelasan Dari Perspektif Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Pp. 259-272. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 11 (1). pp. 125-141. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irfan, Moh Fatih. (2019). Analisis Gaya Bahasa Sindiran Dalam Akaun Twitter Ustadz Tengku Zulkarnain. Malang: University of Muhammadiyah Malang.
- J. Kasdan & N. H. Jalaluddin. (2015). Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur, 1-20.
- J. Kasdan, N.H Jalaluddin & W.N.M Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of The Malay World and Civilisation* (IMAN). 4(1). 31-41.
- J. Nopiah, N.H Jalaluddin & J. Kasdan. (2017). Refleksi Dualisme "Durian- Timun" dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*. 21(2). 001-014. Persatuan Linguistik Malaysia.

- K. A. Meyra. (2018). Gaya Bahasa Sindiran Dalam Novel 24 Jam Bersama Gaspar Sebuah Cerita Detektif Karya Sabda Armandio. Sarjana thesis, STKIP PGRI Sumbar.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kasnadi dan Sutejo. (2010). *Apresiasi Prosa*. Ponorogo dan Yogyakarta: P2MP Spectrum dan Pustaka Felicha.
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Keraf, G. (2010). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keris Mas (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leggitt, J. S. & Gibbs, R. W. (2000). Emotional reactions to verbal irony. *Discourse Processes*, 29(1), 1-24.
- Lucia Indah Dwi Wahyuni & Luluk Isani Kulup. (2013). Sindiran dalam Wayang Durango. Surabaya: Universiti PGRI Adi Buana.
- Mansor, M Mascitah & Ishak, Noraini Shahida. (2011). Peribahasa: Gambaran minda Melayu dalam penciptaan iklan. In: Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Melayu VII (*SALPBMVII*), 9-10. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*. 15(1) p.p 113- 142. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mat Hassan, Ahmad Fuad. (2016). Warisan Budaya Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban*. V. 9. p.p 1-10. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Tajuddin Abdul Rahman. (1984). *Peribahasa dalam Penggunaan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Zaid, Daud. (2018). Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal* (MIRJO), 3 (1). pp. 19-28. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zainiy Uthman (1998), "Latāif al-Asrār Li Ahl Allāh al-Atyar Karangan Nūr al-Dīn al-Raniri: Satu Tinjauan Epistemologi Dalam Falsafah Epistemologinya" dalam Hashim Awang et.al (eds.), Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 408.
- Musa. Hashim, Said. Normahdiah, Che Rodi. Rozita & Karim. Siti. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *Gema Online Journal of Language Studies*. Vol. 12. 163- 182. Serdang: Fakulti Bahasa moden Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- N.A.W Mansor & N.H Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32 (1). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- N.H. Jalaluddin & Norshimah Mat Awal. (2006). Citra Lelaki Dulu Dan Kini dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevan. *GEMA: Online Journal of Language Studies*. 16(1). 1-1. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai. (2016). Imbuhan Ter- Dari Perspektif Teori Relevans. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 13(4). 145-162. Bangi: university Kebangsaan Malaysia.
- Nurdin, A. dkk. (2004). *Intisari Bahasa dan Sastra Indonesia untuk SMU*. Bandung: CV Pustaka Setia
- Nurulhanis Ibrahim. (2014). Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- P. R. Hariyani. (2019). Gaya Bahasa Sindiran Dalam Novel "Me Before You" Karya Jojo Moyes. Fakultas Ilmu Administrasi Dan Humaniora, Universitas Muhammadiyah Sukabumi.
- R. S. Mara & R, Bahry. (2019). Analisis Gaya Bahasa Sindiran Dalam Syair Didong Jalu Arita Mude & Biak Cacak. *Jurnal Bahasa dan Sastra*. 13(1). 61-79. Aceh: Universitas Syiah Kuala.
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. (2009). Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis teori relevans. *Jurnal Aswara*.
- S. S. Samaon & Mary Fatimah Subet. (2020). Perwatakan dalam Novel KOMSAS 'Di Sebalik Dinara": Analisis Teori Relevan. *Asian People Journal*. 3(1). 84-100. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- S. Zuraidah, C. K. Gan, B.S. Eng, Yusuf. Ahmad Harith. (2012). Slanga Remaja Melayu dan Cina: Analisis Awal Berdasarkan Teori Relevan. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang. Melaka: Universiti Teknologi MARA.
- Saad. Huda, N. H Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2015). Penelitian Semula Makna Imbuhan meN-: Kajian Eksplisit Vs Implisit. Seminar Linguistik Kebangsaan (Slik2015) "Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa" Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InjET)* 1(2) 1-10.
- Sinar Harian. (2019). Pelajar Mula Berjinak Jenayah Ekstrem. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/11869/BERITA/Nasional/Pelajar-mula-berjinak-jenayah-ekstrem>.
- Siti Norsyahida Mohd Rashid & Nor Azwan Yaakob. (2017). Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol. 7. 17-29. Serdang: Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Siti Nurul Halimah & Hilda Hilaliyah. (2019). Gaya Bahasa Sindiran Najwa Shihab dalam Buku Catatan Najwa. *DEIKSIS*. Vol. 11. 157- 165. Fakulti Bahasa & Seni, Universiti Indraprasta PGRI.
- Siti Zainon Ismail. (2010). *100 Pepatah Petitih Melayu: Alam Terkembang Jadi Guru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Subet, M. F., & Md Nasir, M. R. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253. Kota Samarahan: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Sulaiman Zakaria. (1998). *Khazanah peribahasa Melayu*. Penerbit Mega Setia Emas.
- Syed Ali Ashraf. (1989). *Horison Baru Pendidikan Islam*. Pustaka Firdaus.

- T. A. Maghfir. (2017). Penggunaan Gaya Bahasa Ironi Dalam Dorama Hana Yori Dango Karya Yasuharii Ishii. *Jurnal UNESA*. Vol. 4. Surabaya: Universiti Negeri Surabaya.
- Tim Reality. (2008). *Kamus Terbaru Bahasa Indonesia*. Surabaya: Reality Publisher.
- Untari, Dewi. (2018). Gaya Bahasa Dalam Meme Di Media Sosial. Working Paper. Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Jakarta.
- Wahab, Abdul. 1995. *Isu Linguistik*. Surabaya: Airlangga University Press.
- Wahid, A. (2019). Etos dan Nilai Budaya dalam 100 Pepatah Pettith Melayu Siti Zainon Ismail. KUPAS SENI: *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2285>.
- Winstedt, R. O. (1950). *Malay proverb*. London: John Murray.
- Yusuf. Ahmad Harith & Suzanna Othman. (2012). Imbuhan Akhiran Kata Nama –An dalam Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Teori Relevan. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang. Melaka: Universiti Teknologi MARA.
- Z.A.Z Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 11 (3). pp. 31-51. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Z.N Diyana & H. Hasmidar. (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 29. 118- 155. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN